



2012

LAPORAN TAHUNAN

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MEMPERKASAKAN PENGAJAR
KEMAHIRAN MALAYSIA





2012

LAPORAN TAHUNAN
MEMPERKASAKAN PENGAJAR
KEMAHIRAN MALAYSIA

kandungan

- 4** Prakata Ketua Pengarah
- 5** Perutusan Pengarah CIAST
- 6** Maklumat CIAST
 - Visi, Misi dan Objektif CIAST
 - Fungsi Program dan Bahagian
 - Carta Organisasi Pengurusan Atasan CIAST

Pencapaian CIAST

- 14** Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)
- 15** Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Pendek (Dalam Perkhidmatan)
- 15** Pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran Tenaga Pengajar
- 16** Pelaksanaan Program / Kursus CIAST
- 26** Peningkatan Keupayaan Aplikasi ICT
- 29** Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (Written Instructional Material – WIM)
- 30** Program Kerjasama dengan Agensi Luar
- 34** Penganjuran Pertandingan Kemahiran
- 44** Penganjuran Latihan Antarabangsa
- 51** Pentauliahan Personel dan Pakar
- 59** Pembangunan Kakitangan
- 66** Majlis Konvokesyen CIAST
- 68** Kampus Satelit CIAST
- 69** Pengurniaan Pingat Kebesaran dan Anugerah kepada Kakitangan CIAST



Kejayaan CIAST

- 74** Anugerah Silver Award 23rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2012
- 76** Penyertaan Kumpulan NURMINDA CIAST dalam Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) Ke-24 Peringkat Negeri Selangor ke-25
- 77** Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (5S)
- 78** Persijilan MS ISO 9001:2008



Kajian / Kaji Selidik

- 80** Kajian Penggiatan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Lawatan Penandaarasan

- 82** Lawatan Penandaarasan ke Jakarta Sempena ASEAN Skills Competition (ASC)
- 82** Lawatan Penandaarasan 5S
- 83** Lawatan Penandaarasan Sistem Pengurusan Kualiti CIAST



Lawatan Rasmi

- 86** Pelaksanaan Fact Finding Mission for Third Country Training Program (TCTP) 2013 – 2015 on Capacity Development of TVET for Cambodia, Laos and Myanmar
- 87** Lawatan Monitoring and Evaluation (M&E) Mission for Third Country Training Program (TCTP) 2012 – 2015 on Capacity Development of TVET for Cambodia
- 90** Bahagian Khidmat Pengurusan
- 100** Aktiviti Sosial dan Kebajikan
- 106** Diari 2012
- 114** Jawatankuasa Penerbitan
- 118** Sidang Redaksi CIAST



Kata Aluan Ketua Pengarah



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di atas penerbitan Laporan Tahunan 2012. Laporan ini merupakan informasi berguna kepada semua peringkat sama ada peringkat jabatan, kementerian dan agensi-agensi lain seperti Pusat Bertauliah (PB) Awam dan Swasta. Laporan ini memaparkan prestasi dan pencapaian aktiviti CIAST yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 sebagai satu lakaran sejarah untuk rujukan di masa hadapan.

Saya amat berbangga dengan pencapaian CIAST, terutamanya kejayaan yang telah dicapai dalam membawa perubahan dan transformasi yang ketara bagi menyediakan kemudahan latihan yang lebih kondusif dan selesa. CIAST juga turut berjaya menjana keluaran kursus-kursus jangka panjang dan jangka pendek yang telah menunjukkan pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini membuktikan CIAST mampu mengekalkan fungsi sebagai penyedia latihan terunggul dalam bidang *Training of Trainers* di samping memperkasakan pengajar kemahiran negara selaras dengan aspirasi negara melalui lima teras utama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), terutamanya membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia.

Saya yakin CIAST akan terus mengambil langkah yang pro-aktif bagi memastikan amanat dan tanggung jawab yang diberi dilaksana dengan cemerlang dan agenda negara untuk mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional ke peringkat dunia agar status negara berpendapatan tinggi akan tercapai.

Adalah menjadi harapan saya agar CIAST terus memberi perkhidmatan cemerlang dan memainkan peranan penting bagi membantu JPK yang menjadi agensi tunggal dalam pembangunan dan peneraju kualiti kurikulum pendidikan teknikal dan latihan vokasional serta menyelaras program latihan pengajar di institusi latihan kemahiran awam yang lain dalam RMKe-10. Sekali lagi syabas diucapkan kepada CIAST di atas kejayaan menerbitkan laporan tahunan untuk kali kelima berturut-turut.

DATUK DR. PANG CHAU LEONG

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Perutusan Pengarah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)



Syukur alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya, CIAST telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dalam memartabat dan memperkasakan pengajar kemahiran negara. Tahun 2012 merupakan tahun kedua di bawah RMKe-10 di mana CIAST telah memberi sumbangan yang berkesan dengan melahirkan tenaga pengajar yang diperlukan bagi merealisasikan agenda negara untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran dan teknikal ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia tersebut.

CIAST telah berjaya melatih seramai 15,799 peserta yang terdiri daripada seramai 455 pelajar bagi kursus pra-perkhidmatan jangka panjang dan 15,344 peserta bagi kursus dalam perkhidmatan jangka pendek. Pencapaian ini walaupun tidak mengatasi keluaran pada tahun 2011 tetapi ia tetap menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, iaitu sebanyak 130.83% daripada sasaran yang ditetapkan. Selain itu, CIAST juga turut berjaya menganjurkan program dan aktiviti di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seperti program latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan Program Latihan Negara Ketiga (TCTP), Pertandingan Kemahiran Malaysia dan Pertandingan MySkills, Program Kolaborasi HRD ASEAN-Jepun bagi negara CLMV, Persidangan Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah, Pentaulahan Personel dan Pakar, Pemantapan Tenaga Pengajar melalui Program VTO, VTE dan VTM Secara *Fast Track* dan *Single Tier* dan sebagainya.

Pada tahun ini juga, CIAST turut mengaplikasikan sistem baru untuk digunakan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Sebanyak empat sistem baru diwujudkan, iaitu Sistem Pendaftaran Seminar/Kursus (SISEM), Aplikasi eBajet, Sistem ePerjawatan dan Aplikasi MySMS 15888. Dengan wujudnya sistem ini, CIAST dapat mengurus dan memantau data-data berkaitan, memudahkan pengurusan dan penyemakan maklumat perjawatan kakitangan CIAST, menyampaikan perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan ringkas dan mengawal serta memantau pengurusan kewangan yang lebih sistematik dan berkesan.

Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan kerjasama warga CIAST yang sentiasa mendahului kepentingan organisasi daripada kepentingan peribadi. Jutaan terima kasih kepada mereka yang telah bekerja bersungguh-sungguh dan bertungkus lumus bagi memastikan prestasi CIAST berada pada tahap yang lebih tinggi dan cemerlang berbanding tahun-tahun sebelumnya. Adalah diharapkan agar semua pihak tidak berpuas hati terhadap pencapaian ini sebaliknya terus berusaha dengan lebih gigih agar hasrat Kerajaan untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran dan vokasional serta memperkasakan pengajar kemahiran Malaysia ke suatu tahap yang lebih tinggi akan tercapai. Akhir kata, sekali lagi diucapkan syabas dan tahniah kepada warga CIAST. Semoga CIAST akan sentiasa bergerak ke hadapan.

Sekian, terima kasih.

HAJI GHAZLAN BIN GHAZALI

Pengarah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Maklumat CIAST

CIAST mula beroperasi pada tahun 1983 dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan dari Jepun menerusi *Japan International Cooperation Agency* (JICA) sehingga tahun 1991.

CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bermula pada 1991 sehingga Mei 2007 sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di kementerian yang sama pada Jun 2007.

CIAST menawarkan kursus latihan pengajar, latihan penyelia, latihan kemahiran lanjutan untuk pengajar kemahiran, penyelia dan *coach* industri serta pekerja mahir dari sektor awam dan swasta sehingga ke tahap antarabangsa. Latihan yang dijalankan di CIAST dikendalikan oleh pengajar berpengalaman dalam pelbagai bidang kemahiran.

Visi

Organisasi peneraju dalam membangun dan memperkasakan pengajar bertaraf dunia dalam bidang kemahiran

Misi

Membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

Objektif

- Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran negara
- Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan mengikut perkembangan teknologi

- Mentauliah tenaga pengajar dan pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- Memperkayakan kurikulum latihan kemahiran
- Memperkuuhkan hubungan dan latihan antarabangsa
- Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia
- Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan
- Memupuk nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar

Fungsi Program dan Bahagian

Program / Bahagian	Fungsi
Bahagian Khidmat Pengurusan	<p>Unit Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan surat dan fail • Pengurusan perpustakaan • Pengurusan tatatertib • HRMIS LNPT, harta dan cuti • eHadir • Pengurusan kenderaan jabatan • Tempahan minuman mesyuarat dan kursus jangka pendek <p>Unit Sumber Manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Urusan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan • HRMIS perkhidmatan dan peribadi • Mengemaskini rekod perjawatan <p>Unit Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyedia anggaran belanjawan tahunan • Mengurus perbelanjaan • Mengurus kutipan hasil • Mengurus akaun amanah • Menyelaras teguran audit <p>Unit Aset</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset CIAST • Pengurusan setor alat tulis • Penyediaan sijil kursus <p>Unit Kemudahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewaan kemudahan premis • Pengurusan asrama • Pengurusan kuarters • Kawalan keselamatan • Pengurusan kafetaria
Program Kelayakan Kekompetenan	<p>Unit Pentauliahan Personel dan Pakar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurus Perakuan pengiktirafan kelayakan sebagai personel pentauliahan (PPKSPP) khusus untuk PP, PPD, PPB, PP-PLV, PPD-PLV, COACH dan P-SLDN. • Mengumpul, Mendaftar, Memperakuan dan Mengawalselia Direktori Pakar Industri Negara (DPIN) bagi PIND, PAJAR, PPL, PPL-PLV, PPL-SLDN, PP-PPT, PPL-PPT, JPPK, HAKIM, PNOSS, DSE dan Pemeriksa NDT. • Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan dan Pemantapan Pakar Lantikan DPIN serta Penilaian Pembaharuan Lantikan DPIN. <p>Unit Kursus Induksi Pentauliahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan melaksanakan Kursus Induksi Persijilan Pentauliahan Kemahiran Malaysia (KIPPKM). <p>Unit Perancangan dan Pembangunan Latihan Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan dan penyelarasan latihan kemahiran di peringkat antarabangsa • Melaksanakan aktiviti promosi latihan kemahiran antarabangsa. • Penyelarasan data Q-fact CIAST • Mengurus hubungan luar / pelawat antarabangsa

	<p>Unit SkillsMalaysia</p> <ul style="list-style-type: none">• Menyelaras dan melaksanakan Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan <i>MySkills</i>• Menyelaras dan menyediakan fasiliti bagi perlaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan PKM dan <i>MySkills</i>.• Menyelaras dan menjalankan persiapan dan persediaan peserta Malaysia ke Pertandingan Kemahiran peringkat ASEAN dan Dunia.• Menyelaras urusan serta bertindak sebagai Sekretariat Anugerah Tokoh Mahir setiap tahun.• Menyediakan bantuan teknikal bagi pelaksanaan pertandingan <i>Abilympics</i> peringkat kebangsaan
Program Pembangunan Profesional Kemahiran	<p>Unit Pengurusan Latihan</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengurus hal-ehwal kursus <i>modular, customised</i> dan <i>crash program</i> <p>Unit Pembangunan Sumber Manusia</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengurus keperluan latihan, perekodan, laporan dan pengurusan kewangan <p>Unit Latihan Sangkutan Industri</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengurus penempatan bagi program latihan sangkutan industri kepada pengajar Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) <p>Unit Latihan Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none">• Melaksana program latihan teknik mengajar kepada peserta antarabangsa <p>Unit Persijilan</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengurus persijilan untuk kursus <i>modular/ customised/</i> Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)/ teknik mengajar <p>Unit Latihan dan Konsultasi SLDN</p> <ul style="list-style-type: none">• Melaksana kursus kepada <i>coaches, industri, master trainer, social skills and social values</i> dan <i>dual system expert</i> untuk program SLDN <p>Unit Peningkatan Penyeliaan</p> <ul style="list-style-type: none">• Melaksana kursus penyeliaan kepada ILKA dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) secara kursus jangka pendek <p>Unit Peningkatan Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none">• Melaksana kursus peningkatan pengajaran kepada pengajar secara kursus jangka pendek/<i>modular</i> <p>Unit Peningkatan Pengajaran ‘Fast Track’</p> <ul style="list-style-type: none">• Melaksana program VTO/ VTE/ VTM secara <i>fast-track</i> dan <i>single tier</i> melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) <p>Unit Penyelarasan Internship</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengurus latihan <i>internship</i> kursus TM001 dan VTO bagi pengajar ILKA

Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia	Unit Perancangan dan Pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji keperluan pembangunan <i>e-training</i> berdasarkan teknologi, keperluan industri dan <i>trend</i> pembelajaran paling efektif • Mengemaskini teknologi ICT kepada tenaga pengajar
	Unit Infrastruktur (Rangkaian-IF1)
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus dan memantau rangkaian setempat (Local Area Network - LAN) • Menyenggara perkakasan automasi pejabat dan ICT • Mengurus aktiviti audio dan video
	Unit Infrastruktur (Sistem-IF2)
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus, memantau dan membangun aplikasi dan sistem • Mengurus dan memantau keperluan perkakasan automasi pejabat dan ICT
	Unit e-Training
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus dan melaksana latihan <i>e-training</i> • Mengurus dan melaksana kursus-kursus <i>modular</i> ICT dan VTO
Program Pembangunan Pengajar Kemahiran	Unit Pengurusan Pembangunan Pengajar Baru
	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan mengurus pengambilan pelajar baru bagi tiga kursus, iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Malaysia dengan Sijil Pengajar Vokasional (Vocatioanal Training Officer – VTO) (SKMT3+VTO) dan Sijil VTO • Mengurus dan mengawal selia latihan sambil kerja/ latihan industri pelajar • Mengurus hal ehwal pelajar bagi tiga kursus, iaitu DLPV, SKMT3+VTO dan VTO
	Unit Pengurusan Peningkatan Kemahiran dan Kawalan Teknikal
	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan mengurus kursus <i>modular, customised, crash program</i> dan antarabangsa • Merancang dan mengurus kursus pemantapan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) lantikan baru • Mengurus dan menyelaras hal-hal berkaitan peperiksaan akhir pelajar • Mengurus dan menyelaras Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (Technical Advisory Committee - TAC) • Menyelaras hal-hal pentaulahan yang berkaitan dengan sistem JPK • Mengurus persijilan SKM dan persijilan CIAST
	Unit Elektrikal & Elektronik, Telekomunikasi, Mekatronik, Komputer, Kimpalan, Automotif, Pengeluaran dan Jaminan Mutu
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengendalikan program latihan jangka panjang, iaitu DLPV dan SKMT3 + VTO mengikut bidang masing-masing • Mengendalikan program latihan kemahiran lanjutan melalui kursus <i>modular, customised, latihan antarabangsa</i> dan <i>crash program</i> • Mengendalikan kursus pemantapan PLV lantikan baru • Mengurus latihan pembangunan kepakaran kepada tenaga pengajar mengikut bidang • Menyelaras bahan pengajaran, soalan peperiksaan, penilaian PPL, peralatan dan kemudahan latihan mengikut bidang

	<p>Unit Metodologi Vokasional</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melaksana kursus VTO bagi lepasan SKM sekurang-kurangnya Tahap 3 (program pra-perkhidmatan) • Menganjur kursus induksi Pegawai Penilai/ Pegawai Pengesah Dalaman (PP/ PPD) bagi pelajar VTO • Mengurus pelaksanaan latihan <i>internship</i> bagi kursus VTO • Mengurus latihan pembangunan kepakaran kepada tenaga pengajar • Menyelaras bahan pengajaran, soalan peperiksaan, penilaian PPL, peralatan dan kemudahan latihan
Program Perancangan dan Pembangunan Latihan	<p>Unit Pembangunan Manual Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang, menyelaras dan melaksana kursus pembangunan fasilitator manual latihan dan <i>Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure</i> (CUDBAS) • Menyelaras bahan latihan dan pengajaran <i>Course of Study</i> (CoS), <i>Learning Guide</i> (LG), <i>Written Instructional Material</i> (WIM) dan CUDBAS <p>Unit Pembangunan Standard Pembelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus pembangunan fasilitator <i>Develop A Curriculum</i> (DACUM)/ <i>Develop Standard and Curriculum</i> (DESCUM) • Menyelaras bahan latihan dan pengajaran DACUM/DESCUM <p>Unit Perancangan, Pembangunan dan Penyelenggaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelaras dan mengurus perolehan peralatan pejabat dan kemudahan latihan • Menyelaras dan memantau peruntukan dan kerja-kerja penyelenggaraan • Menyelaras dan mengurus pelaksanaan kontrak-kontrak kerja dan perkhidmatan <p>Unit Pembangunan Pengajar Kemahiran-Jabatan Perkhidmatan Awam (PPK-JPA)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan menyelaras kursus-kursus di antara agensi-agensi di bawah program PPK <p>Unit Pembangunan Latihan Kakitangan CIAST</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang, menyelaras dan melaksana kursus pembangunan kakitangan CIAST berdasarkan <i>Training Needs Analysis</i> (TNA)

Carta Organisasi

PENGURUSAN ATASAN CIAST



PENCAPAIAN CIAST




PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA-PERKHIDMATAN)

Latihan kemahiran jangka panjang terdiri daripada kursus Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM T3 + VTO) dan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV). Kursus ini dibuka kepada lepasan SKM Tahap 2 dan ke atas. Pada tahun 2012, seramai 577 pelajar dari sembilan kursus telah diambil bagi kursus jangka panjang. Bilangan enrolmen pelajar adalah seramai 538 dari 25 kursus dan bilangan pelajar yang telah menamatkan latihan dengan jayanya adalah seramai 455 dari 10 kursus. Jadual 1 menunjukkan Statistik Bilangan Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan) Tahun 2012.

Jadual 1 : Statistik Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Jangka Panjang
(Pra Perkhidmatan) Tahun 2012

Nama Program	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Sijil VTO	3	523	3	368	3	404
SKM Tahap 3 + VTO	2	26	7	65	2	23
DLPV	3	25	14	102	4	19
DLPV – Kerjasama dengan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Alor Gajah	1	3	1	3	1	9
Jumlah	9	577	25	538	10	455



Carta 1 : Statistik Pelajar Kursus Pra Perkhidmatan yang Menamatkan Latihan Tahun 2012

PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PENDEK (DALAM PERKHIDMATAN)

CIAST turut menjalankan kursus jangka pendek yang dikendalikan secara *modular* dan *customised*. Kursus *modular* merupakan kursus yang dijalankan mengikut perancangan CIAST melalui persediaan yang mantap dan bersesuaian dengan piawaian dan kemampuan yang ada. Kursus *customised* pula ialah kursus yang dilaksanakan hasil perbincangan di antara pelanggan dengan pihak CIAST di mana kursus ini telah diubahsuai mengikut kehendak pelanggan sama ada awam atau swasta.

Pada tahun 2012, CIAST telah menjalankan 542 kursus jangka pendek melibatkan seramai 15,344 peserta berbanding sasaran yang ditetapkan, iaitu seramai 11,621 peserta dan peratus pencapaian ialah 132.04 peratus. Pada tahun 2011, sebanyak 607 kursus yang melibatkan 16,362 peserta telah dilaksanakan.

Jadual 2 : Statistik Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Jangka Pendek
(Dalam Perkhidmatan) Tahun 2012

Bil.	Nama Program	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1	Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)	123	4079
2	Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)	58	604
3	Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL)	89	2098
4	Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)	39	1168
5	Program Kelayakan dan Kekompetenan (KK)	233	7395
Jumlah		542	15344

Jadual 3 : Statistik Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Jangka Pendek
(Dalam Perkhidmatan) Tahun 2010, 2011 dan 2012

Tahun	Bil. Kursus	Bil. Peserta
2010	353	9693
2011	607	16362
2012	542	15344

PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN TENAGA PENGAJAR

Program Pembangunan Kemahiran (PPK) adalah satu program latihan kemahiran untuk dan tenaga pengajar dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV). Program ini dibiayai oleh peruntukan mengurus Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan memberi tanggungjawab kepada sebuah jawatankuasa yang diurussetiakan oleh CIAST untuk merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti latihan kemahiran kepada tenaga pengajar institusi latihan kemahiran awam (ILKA). Unit Pembangunan Latihan PPK-JPA, Program Pembangunan dan Perancangan Latihan (PPL), CIAST bertindak sebagai urus setia keseluruhan dan urus setia bagi pihak CIAST.

Pada tahun 2012, CIAST telah melaksanakan 62 kursus dalam negeri dan satu kursus luar negara, iaitu Kursus Teknologi Hybrid di Jerman. Semua Program di CIAST terlibat dalam menjayakan PPK 2012. Jadual 4 menunjukkan pecahan kursus yang dilaksanakan mengikut program.

Jadual 4 : Pecahan Kursus Mengikut Program Tahun 2012

Program	Rancang	Tamat
PPL	1	3
PPK	41	42
SPD	7	7
PEM	11	11
Jumlah	60	63

Prestasi kewangan CIAST tahun 2012 sangat membanggakan dengan pencapaian 100%. Pencapaian ini didorong oleh perancangan dan komitmen setiap program dalam menjayakan PPK ini. Latihan kemahiran yang telah dianjurkan oleh CIAST melibatkan beberapa kaedah iaitu;

- i) Kursus kemahiran jangka pendek dengan tempoh minimum lima hari
- ii) Latihan Sangkutan Industri (LSI) dengan tempoh dua atau tiga bulan
- iii) Program VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track* Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Semua kursus yang dianjurkan oleh CIAST adalah melibatkan tenaga pengajar ILKA seluruh negara seperti tenaga pengajar dari Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Vokasional (SMV), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penjara dan Maktab Teknik PDRM. Jadual 5 menunjukkan bilangan peserta yang telah menghadiri kursus-kursus PPK anjuran CIAST.

Jadual 5 : Bilangan Peserta PPK Anjuran CIAST Tahun 2012

Rancang	Hadir	Agensi	
		CIAST	Bukan CIAST
1089	1166	153	1013

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS CIAST


Program Vocational Training Officer (VTO), Vocational Training Executive (VTE) dan Vocational Training Manager (VTM) Secara *Fast Track* dan *Single Tier*

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam metodologi latihan dengan VTO, VTE dan VTM secara *fast track* dan *single tier* melalui kaedah PPT. Melalui program ini Ibu Pejabat JPK dipertanggungjawabkan melaksanakan proses permohonan dan persijilan calon manakala CIAST melaksanakan proses penilaian calon. Pelaksanaan program bagi Fasa I adalah dari 14 Februari 2011 hingga 30 Ogos 2012 dan seterusnya program ini telah dilanjutkan ke Fasa II dari 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2014.

Pada tahun 2012, seramai 1,961 calon telah menghadiri sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, 747 calon menghadiri Penilaian Secara Temuduga dan 891 calon telah menghadiri Penilaian Secara Kursus.

Jadual 6 : Sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, Temuduga dan Kursus Tahun 2012

Nama Bidang	Sesi Penilaian		
	Analisa Jurang	Temuduga	Kursus
VTO	1338	451	773
VTE	317	132	83
VTM	306	164	35
Jumlah	1961	747	891




Carta 2 : Bilangan Calon Sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, Temuduga dan Kursus Tahun 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal CIAST tahun 2012 telah meluluskan seramai 1,662 calon bagi memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di dalam bidang VTO/VTE/VTM secara *Fast Track & Single Tier* melalui kaedah PPT. Daripada jumlah tersebut seramai 1,262 calon memperolehi Sijil VTO, 216 calon Sijil VTE dan 184 calon Sijil VTM. Terdapat juga seramai 26 calon gagal memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM.

Jadual 7 : Senarai Calon yang Memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track* dan *Single Tier* Tahun 2012

Siri Mesyuarat	VTO		VTE		VTM		Jumlah	
	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal
1/2012	156	0	14	0	3	0	173	0
2/2012	79	3	54	0	49	2	182	5
3/2012	226	6	11	0	6	0	243	6
4/2012	321	4	45	1	61	3	427	8
5/2012	198	0	19	0	20	0	237	0
6/2012	202	1	17	1	25	1	244	3
7/2012	80	3	56	1	20	0	156	4
Jumlah	1262	17	216	3	184	6	1662	26



Carta 3 : Bilangan Calon yang Memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track* dan *Single Tier* Melalui Kaedah PPT Kursus Tahun 2012

Bilangan calon yang telah berjaya memperolehi sijil VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track & Single Tier* sehingga tahun 2012 adalah seramai 1,998 orang.

Jadual 8 : Status Persijilan Calon VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track* dan *Single Tier*
Sehingga Tahun 2012

Bil.	Tahun	VTO		VTE		VTM		JUMLAH	
		Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal
1	2011	146	54	90	20	100	26	336	100
2	2012	1262	17	216	3	184	6	1662	26
	Jumlah	1408	71	306	23	284	32	1998	126

Kursus Pembangunan NOSS (DACUM) dan Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)

CIAST telah menjalankan kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM) sepenuhnya bermula pada tahun 2012 yang melibatkan 542 orang peserta awam dan swasta. Sebanyak 27 sesi telah diadakan di bawah peruntukan P46 – 03200 manakala seramai 283 peserta di bawah kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM) secara *customized*. Memandangkan Markas Pendidikan dan Latihan Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) masih membangunkan NOSS (DACPUM) maka sebanyak empat sesi kursus anjuran bersama CIAST dan TLDM telah diadakan pada tahun ini dengan kehadiran seramai 99 peserta.

Latihan Sangkutan Industri (LSI) bagi Program Penambahbaikan NOSS DESCUM

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan program penambahbaikan NOSS (DESCUM) bagi melahirkan fasilitator yang kompeten dalam membangunkan NOSS dengan menggunakan kaedah DESCUM. Peserta kursus yang telah berjaya menghadiri kursus pembangunan NOSS (DESCUM) layak memohon untuk mengikuti LSI. Tujuan sesi LSI ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengendalian bengkel pembangunan NOSS (DESCUM) yang sebenar serta teknik-teknik fasilitator. Peserta perlu menghadiri LSI sebanyak tiga sesi sebagai syarat lulus untuk dipersijilkan sebagai seorang fasilitator. Selain itu, peserta juga dinilai oleh pegawai firma dan pegawai CIAST/JPK yang dilantik. Penggredan fasilitator dibuat berdasarkan markah penilaian daripada kedua-dua pegawai penilai tersebut. Jadual 9 menunjukkan pemarkahan dan penggredan fasilitator.

Jadual 9 : Pemarkahan dan Pengredan Fasilitator

Markah	Gred	Status Fasilitator
90-100	5	Amat Cemerlang
80-89	4	Cemerlang
70-79	3	Sangat Baik
60-69	2	Baik
50-59	1	Memuaskan
≥ 49	-	Biasa

Secara keseluruhan, CIAST telah mengeluarkan 97 fasilitator bermula dari tahun 2011 hingga 2012 dengan nama akan dimasukan dalam Direktori Fasilitator DESCUM. Seramai 77 peserta telah berjaya dipersijilkan sebagai fasilitator DESCUM pada tahun 2012 dan 20 orang pada tahun 2011 kerana telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak CIAST dan JPK. Berikut merupakan pecahan bilangan fasilitator mengikut gred yang layak dipersijilkan (Jadual 10).

Jadual 10 : Pecahan Bilangan Fasilitator Mengikut Gred

Keputusan	Gred	Bilangan Fasilitator	
		2011	2012
Amat Cemerlang	5	13	23
Cemerlang	4	5	34
Sangat Baik	3	1	7
Baik	2	0	9
Memuaskan	1	0	4
Biasa	0	1	0
	Jumlah	20	77

Data sehingga Januari 2013



Aktiviti kursus pembangunan dan fasilitator NOSS (DESCUM)

Kursus Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis – Written Instructional Material (WIM)

Pada tahun 2012, CIAST menganjurkan sebanyak 24 siri kursus Pembangunan WIM menggunakan peruntukan P46 – 03200 termasuk kursus yang dijalankan secara *customized* dengan penyertaan seramai 597 orang. Objektif kursus adalah untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada peserta mengenai kaedah membangun dan mendokumenkan manual latihan yang merangkumi *Course of Study* (CoS), *Learning Guide* (LG), WIM dan Assessment.



Aktiviti kursus pembangunan WIM

Latihan Sangkutan Industri (LSI) bagi Program Penambahbaikan CoS, LG dan WIM

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan program penambahbaikan CoS, LG dan WIM bagi melahirkan fasilitator yang kompeten dalam membangunkan CoS, LG dan WIM. Peserta kursus yang telah berjaya menghadiri kursus pembangunan CoS, LG dan WIM layak memohon untuk mengikuti LSI. Tujuan sesi LSI ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengendalian bengkel pembangunan CoS, LG dan WIM yang sebenar serta teknik-teknik fasilitator. Peserta perlu menghadiri LSI sebanyak dua sesi sebagai syarat lulus untuk dipersijilkan sebagai seorang fasilitator. Selain itu, peserta juga dinilai oleh pegawai firma dan pegawai CIAST/JPK yang dilantik. Penggredan fasilitator dibuat berdasarkan markah penilaian daripada kedua-dua pegawai penilai tersebut.

Secara keseluruhan, CIAST telah berjaya mengeluarkan 28 fasilitator pembangunan CoS dan WIM dan nama mereka akan dimasukan ke dalam Direktori Fasilitator CoS dan WIM. Daripada jumlah tersebut, 9 orang layak dipersijilkan pada tahun 2011 dan 19 orang pada tahun 2012 setelah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak CIAST dan JPK. Jadual 11 menunjukkan bilangan fasilitator yang layak dipersijilkan mengikut pengredan fasilitator.

**Jadual 11 : Pecahan Bilangan Fasilitator Mengikut Pengredan Fasilitator
Bagi Tahun 2011 dan 2012**

Keputusan	Gred	Bilangan Fasilitator	
		2011	2012
Amat Cemerlang	5	6	5
Cemerlang	4	3	14
Sangat Baik	3	-	
Baik	2	-	
Memuaskan	1	-	
Biasa	-	-	
	Jumlah	9	19

Kursus Pembangunan *Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure* (CUDBAS)

CUDBAS telah dibangunkan oleh Prof. Dr. Kazuo Mori pada tahun 1990 di mana CUDBAS memberi perspektif yang lebih jelas berkenaan pengetahuan, kecekapan dan sikap pekerja dalam melakukan tugas. CUDBAS juga membantu organisasi mengenalpasti dan memperkemas proses kerja, mengurangkan kos latihan, dan meningkatkan kualiti kepakaran pekerja serta mengurangkan pembaziran pengeluaran yang disebabkan oleh kesilapan manusia.

Kursus pembangunan asas CUDBAS dijalankan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah membangunkan kurikulum latihan yang diperkenalkan di negara Jepun yang melibatkan empat peringkat, iaitu *CUDBAS Chart*, *Short Term Training Schedule*, *Ability Map* dan *Education Plan*. Objektif kursus ini adalah untuk memperkenal dan mempromosikan *Community Employment Support Service* (CESS) dan CUDBAS, mempraktik kaedah CUDBAS untuk menghasilkan produk CUDBAS menggunakan manual dan memberi pendedahan tentang *Company Support*.

Pada tahun ini, sebanyak 11 siri kursus Asas CUDBAS, satu siri kursus Lanjutan CUDBAS dan satu seminar CESS telah diadakan dengan penyertaan seramai 279 orang di kalangan pengajar pusat bertauliah awam dan swasta. Pelaksanaan kursus CUDBAS juga menggunakan peruntukan P46 – 03200.



Aktiviti kursus pembangunan CUDBAS

Kursus *Training Aids, Tools and Games for Trainers and Facilitators*

Kursus ini merupakan kursus anjuran CIAST di bawah peruntukan PPK-JPA dan telah diadakan pada 2 hingga 6 April 2012 di CIAST dengan bilangan peserta seramai 16 orang. Tujuan kursus adalah untuk menyediakan pengajar dengan kemahiran dan keyakinan untuk menyampaikan kursus dan latihan tanpa mengira bilangan peserta. Pengajar mempelajari bagaimana untuk mereka bentuk kaedah kreatif menyampaikan bahan kursus dan bagaimana untuk memastikan latihan yang disampaikan memenuhi keperluan peserta. Kursus ini menggalakkan pengajar menggunakan gaya penyampaian unik mereka sendiri dan mengenalpasti kekuatan mereka sebagai pengajar. Pengajar akan belajar bagaimana untuk menggalakkan interaksi kumpulan dan penglibatan ahli, penggunaan alat bantuan latihan kreatif dan aktiviti-aktiviti yang kreatif untuk meningkatkan pembelajaran orang lain dengan cara yang ceria dan menyeronokkan.

Kursus *Application of Failure Mode and Effect Analysis (FMEA) in Management and Training*

Kursus ini merupakan kursus anjuran CIAST di bawah peruntukan PPK-JPA dan telah diadakan pada 16 hingga 20 April 2012 di CIAST dengan bilangan peserta seramai 11 orang. Kursus ini menggunakan kaedah FMEA, iaitu teknik analisa yang digunakan dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan, perkhidmatan dan kualiti untuk memastikan potensi ragam kegagalan dan punca yang berkaitan telah dipertimbangkan dan ditangani. Kaedah ini akan disesuaikan untuk digunakan dalam sistem pengurusan dan pelaksanaan latihan kemahiran.

Kursus *Seven Management and Planning Tools*

Kursus anjuran CIAST di bawah peruntukan PPK-JPA telah diadakan pada 7 hingga 11 Mei 2012 di CIAST dengan bilangan peserta seramai 11 orang. Melalui kursus ini, peserta diperkenalkan kepada alat untuk pengurusan kualiti di mana teknik ini akan menggalakkan pendekatan yang baru dan lebih kreatif serta berkesan berhubung perancangan kualiti dan pengurusan projek.

Kursus *Creative Writing for Trainer*

Kursus ini membantu pengajar untuk mempunyai kemahiran yang sesuai dalam penulisan kreatif bagi menimbulkan minat kepada pembaca melalui keupayaan untuk memberi warna dalam penulisan. Seorang penulis yang kreatif mampu menulis pelbagai bahan bacaan, temu bual, kritikan dan ulasan untuk akhbar, majalah dan jurnal. Kursus *Creative Writing for Trainer* ini telah diadakan pada 21 hingga 25 Mei 2012 di CIAST dengan penyertaan seramai 15 orang tenaga pengajar.

Kursus Mastering Negotiation and Decision Making Skills

Pada 4 hingga 8 Jun 2012 kursus *Mastering Negotiation and Decisin Making Skills* telah diadakan di CIAST. Kursus yang dihadiri oleh seramai lapan orang pegajar ini menyediakan rundingan berstruktur yang direka untuk memperbaiki terma rundingan dan memupuk hubungan sihat di kalangan pihak yang berunding. Model dan teori-teori yang disertakan telah dibangunkan di Harvard Law School dan lain-lain institusi yang terkemuka dan telah digunakan dalam pelbagai konteks rundingan. Kursus ini juga membina kemahiran komunikasi yang perlu untuk mengekalkan hubungan serta menguruskan emosi dan konflik dengan berkesan.

Kursus Pembangunan Item Berasaskan Taksonomi

Kursus ini diadakan pada 12 hingga 15 Jun 2012 di CIAST bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pengajar dalam pembangunan soalan berdasarkan kepada Taksonomi Bloom. Penggunaan Taksonomi Bloom berdasarkan domain kognitif yang merangkumi enam aras kognitif penting dalam menguji kualiti serta aras soalan peperiksaan yang merupakan salah satu komponen penilaian dalam latihan kemahiran. Seramai 26 orang tenaga pengajar telah menghadirinya.

Bengkel Asas CUDBAS (Siri 1)

Kursus CUDBAS (Siri 1) memfokus kepada penyediaan *ability checklist* bagi *Course Manager* kursus jangka pendek di SPD. Ianya telah diadakan pada 19 hingga 21 September 2012 di CIAST dan dihadiri oleh 12 pengajar SPD. *Course Manager* bagi pelaksanaan kursus jangka pendek merupakan salah satu tugas utama di mana pegawai yang dilantik perlu memastikan perjalanan kursus lancar dan mengikut perancangan.

Bengkel Asas CUDBAS (Siri 2)

Kursus CUDBAS (Siri 2) ini diadakan pada 5 hingga 6 November 2012 di CIAST dan disertai 10 pengajar CIAST. Kursus ini memfokus kepada penyediaan *ability checklist* bagi Pegawai Penilai Internship (PPI). PPI perlu memahami tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas lawatan *internship* bagi memastikan penilaian yang dibuat selaras dengan objektif lawatan.

Latihan Sangkutan Industri (LSI)

CIAST telah dilantik menjadi penyelaras bagi Program Penempatan LSI untuk pengajar kemahiran dengan menggunakan peruntukan tahunan *crashed program* (B07), JPA yang disalurkan kepada Kementerian Sumber Manusia di bawah tajuk ‘Peningkatan Kemahiran Pengajar’. Penempatan LSI adalah selama dua hingga tiga bulan di sektor industri. Program ini bertujuan supaya tenaga pengajar kemahiran ILKA dapat meningkatkan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan terhadap perkembangan teknologi terkini dan kehendak industri semasa untuk diadaptasikan dalam pengajaran di institusi. Pada tahun 2012, pelaksanaan penempatan LSI telah diadakan sebanyak lima siri melibatkan 35 orang pengajar ILKA dan 35 buah industri.



Peserta di firma dan lawatan pemantauan LSI oleh pegawai pemantau dari program SPD

Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) Antarabangsa

Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) telah melangkah ke satu tahap lagi apabila satu Kursus Induksi Pentauliahan Antarabangsa PP-PPD-PPB telah diadakan di SMK Negeri 3, Jakarta, Indonesia pada 12 hingga 16 September 2012. Seramai 17 orang peserta dari kalangan pengajar sekolah tersebut telah menghadiri kursus ini dengan jayanya. Penganjuran kursus ini adalah kerjasama antara Unit Kursus Induksi Pentauliahan (UKIP), Program Kelayakan Kekompetenan CIAST dan Unit Antarabangsa, Bahagian PMO, JPK dengan PB Antarabangsa di Malaysia, iaitu Asean Culinary Academy. Penceramah kursus ini ialah En. Kamaludin bin Tomiran dan En. Ibrahim bin Ahmad dari Bahagian PMO, JPK Putrajaya.



Penceramah dan peserta kursus induksi pentauliahan antarabangsa


Garispanduan Permohonan dan Penganjuran Kursus Induksi Pentauliahan Antarabangsa 2013 telah siap dan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013. Dengan terlaksananya garispanduan ini, iaanya dapat memudahkan proses pemohonan dan penganjuran kursus induksi sama ada di dalam atau luar negara. Pada masa yang sama, iaanya merupakan langkah permulaan untuk memperkenalkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ke luar negara, terutama negara-negara ASEAN.

Kursus Induksi Pentauliahan (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)

Bagi tahun 2012, sebanyak 258 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara. Penganjur-penganjur KIP adalah terdiri daripada penganjur swasta dan agensi kerajaan. Maklumat lengkap penganjuran KIP adalah seperti Jadual 12.

Jadual 12 : Penganjuran dan Bilangan Peserta KIP 2012

KIP	Bil. Penganjuran	Bil. Peserta
PP-PPD-PPB	176	5156
PP-PPT	44	1271
PPL	38	1019



Carta 4 : Penganjuran dan Bilangan Peserta KIP Tahun 2012

Bermula Jun 2012, yuran penganjuran KIP telah dinaikkan daripada RM2,400 kepada RM3,200 untuk setiap sesi kursus. Yuran ini hanya dikenakan kepada penganjur swasta sahaja. Bagi penganjur agensi kerajaan, tiada yuran penganjuran dikenakan. Serentak dengan kenaikan yuran penganjuran, kadar bayaran penceramah KIP juga telah dinaikkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2005 seperti Jadual 13.

Jadual 13 : Kadar bayaran saguhati penceramah/pensyarah
(Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2005)

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Penceramah	Had Maksimum Sebulan
Kump. Pengurusan & Profesional (J53-J54)	RM200 / jam	
Kump. Pengurusan & Profesional (J45-J48)	RM150 / jam	Tidak Melebihi Separuh Bulan Gaji Bulanan Pegawai
Kump. Pengurusan & Profesional (J41-J44)	RM120 / jam	
Kumpulan Sokongan (J29-J38)	RM80 / jam	

PENINGKATAN KEUPAYAAN APLIKASI ICT

Pada tahun 2012, sebanyak empat sistem baru telah diwujudkan, iaitu Sistem Pendaftaran Seminar / Kursus (SISEM), Aplikasi eBajet, Sistem ePerjawatan dan Aplikasi MySMS 15888.

Sistem Seminar / Kursus (SISEM)

SISEM merupakan sistem atas talian yang telah dibangunkan oleh PEM pada tahun 2011 dan diaplikasikan penggunaannya pada tahun 2012. Tujuan SISEM dibangunkan adalah bagi memudahkan penghasilan laporan seminar/kursus yang telah dijalankan di CIAST untuk pemantauan pihak pengurusan atasan. Modul-modul yang terdapat di dalam SISEM ialah Modul Pendaftaran Kursus, Modul Pendaftaran Peserta dan Modul Laporan Kursus. Kelebihan menggunakan SISEM ialah :

- i. Pengurusan data berpusat di organisasi masing-masing
- ii. Laporan kursus/seminar dihasilkan secara automatik
- iii. Pemantauan kehadiran peserta mudah dikongsi bersama-sama oleh urus setia seminar/kursus
- iv. Mudah diakses 24 jam di mana-mana melalui atas talian

Rajah 1 : Antara Muka Login

Rajah 2 : Antara Muka Modul Utama

Aplikasi eBajet

Aplikasi eBajet mula dilaksanakan pada 16 Ogos 2012 melalui Arahan Pengurusan Bil. 5 Tahun 2012. Ianya merupakan satu sistem pengurusan maklumat kewangan secara elektronik bagi memantau maklumat kewangan secara sistematik dan berkonsepkan *web-based*.

Kategori pengguna ialah pentadbir sistem, ketua program, pegawai perolehan, pegawai akaun dan pemohon. Jenis maklumat kewangan yang dapat dipantau secara sistematik mengikut bahagian/program adalah seperti berikut.

- a. Penyediaan unjuran bajet tahunan
- b. Menimbangkan anggaran bajet tahunan
- c. Permohonan peruntukan kepada Ibu Pejabat
- d. Menerima waran peruntukan
- e. Mengurus agihan peruntukan
- f. Mengurus permohonan perolehan
- g. Pemantauan pengurusan perolehan
- h. Penyediaan laporan prestasi perbelanjaan
- i. Permohonan elaun kerja lebih masa, elaun perjalanan dan elaun penceramah



Rajah 3 : Antara Muka Login

Unjuran Perbelanjaan CIAST 2013													
No	Kod	DR	Peng	Std	Bilangan	KTS	Kew/Code	Unjuran	Kod	Kali	Pembatalan	Status	Cabaran
Arahan: Untuk mengemaskini rekod, sila klik pada ked setting ikon.													
11	11000	ERP	CIAST		Bayaran 100% Kalkitagan			3,390,000.00	A	3,390,000.00	Asal	0	
12	1200111	11000	ERP	CIAST	Bayaran 100% Kalkitagan			5,295,000.00	A	4,215,342.38	Asal	ref/03001394	
13	1200114	12000	ERP	CIAST	Bayaran 100% Kalkitagan CIAST			884,000.00	A	-	Asal	0	
14	1200115	12000	ERP	CIAST	Bayaran 100% Kalkitagan CIAST			1,793,000.00	A	1,793,000.00	Asal	0	
15	1200116	12000	ERP	CIAST	Bayaran 100% Kalkitagan CIAST			1,793,000.00	A	1,294,241.94	Asal	ref/03001398	
16	1200118	12000	ERP	CIAST	Bayaran KWSP Kalkitagan			93,000.00	A	93,000.00	Asal	0	
17	1200119	12000	ERP	CIAST	Bayaran KWSP Kalkitagan			93,000.00	A	36,967.00	Asal	ref/03001399	

Rajah 4 : Antara Muka Ringkasan Unjuran Objek Sebagai (OS)

Sistem ePerjawatan

Pelaksanaan pengurusan maklumat perjawatan secara elektronik (ePerjawatan) mula dilaksanakan pada 15 Februari 2012 melalui Arahan Pengurusan Bil 1/2012 bagi memudahkan pengurusan dan penyemakan maklumat perjawatan kakitangan CIAST. Kakitangan boleh melihat maklumat laporan selain daripada maklumat peribadi seperti berikut.

- a. Pengisian jawatan mengikut gred
- b. Pengisian jawatan teknikal

- c. Maklumat lantikan penyandang
- d. Penempatan kakitangan
- e. Kakitangan di luar CIAST
- f. Kakitangan sambilan
- g. Statistik kakitangan
- h. Kakitangan bersara
- i. Kakitangan baru (6 bulan)
- j. Kakitangan pindah
- k. Senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan pingat



Rajah 5 : Antara Muka Login

Aplikasi MySMS 15888

CIAST telah menggunakan perkhidmatan akaun MySMS 15888 sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengurusan pengambilan pelajar baru pada tahun 2012. Gerbang SMS Kerajaan My SMS atau MySMS 15888 merupakan satu usaha yang membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan ringkas melalui satu nombor SMS, iaitu 15888. Aplikasi MySMS 15888 adalah di bawah hak milik Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan telah digunakan oleh beberapa agensi kerajaan termasuk Kementerian Sumber Manusia (KSM) semenjak tahun 2009.

Penggunaannya telah dapat membantu proses pengambilan pelajar yang dikendalikan oleh Unit Pengurusan Pengambilan Pengajar Baru (UPPPB, PPK) bagi setiap sesi temuduga dan kemasukan di mana ia bertindak sebagai *medium* pemberitahuan melengkap Sistem Semakan Keputusan Permohonan bermula dengan proses panggilan temuduga yang telah dijadualkan pada bulan Mac dan Mei sehingga proses keputusan kemasukan ke CIAST pada bulan Mei, Ogos dan September 2012.

Kini perkhidmatan MySMS 15888 menerusi penghantaran *SMS Broadcast* atau *SMS Blast* telah diperluaskan penggunaannya untuk panggilan Kursus Pemantapan PPL di bawah kendalian Program KK dan panggilan calon bagi menghadiri sesi Penilaian VTO/VTE/VTM oleh Program SPD.



Rajah 6 : Antara Muka Login



Rajah 7 : Contoh SMS Keputusan Kemasukan Ke CIAST

PEMBANGUNAN BAHAN PENGAJARAN BERTULIS (WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIALS – WIM)

Bengkel Pembangunan WIM Kursus Vocational Training Officer (VTO)

Bengkel Pembangunan WIM kursus VTO dan TM001 Latihan Teknik Mengajar (Pedagogy) telah diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan selama lima hari. Seramai 15 pengajar berpengalaman dari unit dan bahagian berkaitan di CIAST telah menyertainya.

Objektif bengkel adalah untuk menyelaras dan mengemaskini WIM VTO sedia ada, membangun WIM yang baru mengikut keperluan semasa dan menyediakan dokumen WIM sebagai rujukan pengajar dan pelajar. WIM VTO CIAST yang mengandungi tujuh modul kesemuanya. Ianya dibangunkan oleh *Module Expert Team* (MET) yang dilantik di kalangan pakar-pakar bidang *Trained of Trainers* (ToT) CIAST. Bengkel ini diharapkan dapat menghasilkan satu dokumen WIM yang *standard* dan terkini untuk digunakan oleh peserta kursus VTO menjelang tahun 2013.

Bengkel Pemantapan WIM Kursus Modular

Pengemaskinian dan pembangunan WIM merupakan aspek penting dalam meningkatkan tahap kemahiran, pengetahuan dan kepakaran pengajar bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 CIAST dilaksanakan secara berterusan dan memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan.

Justeru itu, Program PPK, CIAST telah mengadakan bengkel pemantapan WIM kursus *modular* bermula pada tahun 2011. Pada tahun 2012, sebanyak enam WIM telah dibangunkan bagi bidang Automotif dan Kimpalan. Sehingga kini, sebanyak 90 WIM telah dibangunkan.



Gambar 1 : Dokumen WIM Kimpalan dan Automotif

PROGRAM KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

Persidangan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat Bertauliah (PB)

Persidangan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Bertauliah telah diadakan pada 16 Julai 2012 dan dirasmikan oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia. Sebanyak 1,030 buah PB telah dijemput untuk menghadiri persidangan dengan pengesahan kehadiran sebanyak 462 peserta. Pembentangan kertas kerja dipengerusikan oleh Tn. Hj. Jamil bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST dan Tn. Hj. Omar bin Jusoh, Pengarah NOSS, JPK. Di samping pembentangan kertas kerja, acara anugerah PB cemerlang serta majlis menandatangani MoU turut diadakan semasa persidangan tersebut.

Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan seperti berikut, iaitu

- Pembentang 1 : Penarafan Bintang kepada Pusat Bertauliah oleh En. Kamaludin bin Tomiran, Timbalan Pengarah (PMO), Unit Penguatkuasaan JPK
- Pembentang 2 : Peluang Melanjutkan Pelajaran bagi Pemegang-pemegang DKM dan DLKM ke Universiti-universiti di bawah

MTUN oleh Dr. Hakimah bt. Osman, Timbalan Dekan Pengurusan Akademik UniMAP

- Pembentang 3 : Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional di Sekolah-sekolah Seluruh Negara oleh Dr. Rahman bin Ayub, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Teknikal Vokasional (BPTV)
- Pembentang 4 : Insentif PTPK dalam Menggalakkan SkillsMalaysia oleh En. Mohd. Fathullah bin Mustafa, Pengurus Dasar Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK)
- Pembentang 5 : Insentif Pembangunan Sumber Malaysia Berhad (PSMB) dalam Menggalakkan SkillsMalaysia oleh En. CM Vignaesaran a/l Jeyandran, Timbalan Ketua Eksekutif PSMB
- Pembentang 6 : Dasar-dasar Kerajaan dalam Menyemarakkan SkillsMalaysia oleh Tengku Nurul Azian bt. Tengku Shahriman, *Director Education and Director* SRI HCD PEMANDU
- Pembentang 7 : Program Pembelajaran Sepanjang Hayat oleh Pn. Faridah bt. Jaafar, Pengurus Jabatan Multimedia Kreatif di MDeC



1



2



3

- Y.B. Menteri Sumber Manusia merasmikan persidangan
- Peserta persidangan sedang mendengar pembentangan yang disampaikan
- Salah seorang pembentang kertas kerja


Seminar Voices of ICT Industry - New Generation Computing Technology

Seminar Voices of ICT Industry berkonseptan *New Generation Computing Technology* telah diadakan pada 15 Mei 2012 bertempat di Auditorium, CIAST. Seminar ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Jamil bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST. Pembentangan seminar ini menjurus kepada perbincangan mengenai kepentingan persijilan di dalam bidang ICT di peringkat Malaysia mahupun antarabangsa. Para peserta juga didedahkan cara bagaimana proses mencari sumber luar (*outsourcing*) di dalam projek - projek ICT.

Peserta juga telah menunjukkan minat mendalam kepada tajuk pembangunan buku digital yang dibentangkan semasa seminar selaras dengan senario masyarakat yang begitu cenderung kepada produk Apple terkini. Seminar telah dihadiri oleh seramai 305 peserta yang terdiri daripada 180 peserta ILKA, 51 peserta dari agensi swasta manakala 74 dari agensi kerajaan.

Berikut ialah tajuk – tajuk kertas kerja yang dibentangkan oleh tiga penceramah jemputan dalam seminar tersebut, iaitu :

- i. Pembentangan 1 : *Get IT Certified* oleh Pn. Jean Tang dari CompTia Sdn Bhd.
- ii. Pembentangan 2 : *IT Outsourcing Trend* oleh En. Ghana Deepz dari Knowledge Pathhway (M) Sdn. Bhd.
- iii. Pembentangan 3 : Pembangunan Buku Teks Digital oleh En. Ahmad Shaharuddin Amin Sahar dari OpenSOS Sdn. Bhd.




Carta 5 : Statistik Kehadiran Peserta Seminar Voices of ICT Industry

Seminar Android “The Future of Mobile Operating System”

Pada 18 September 2012, seminar Android “The future of Mobile Operating System” telah berlangsung di Auditorium CIAST. Ianya telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST. Tujuan seminar adalah untuk memperkenalkan teknologi terkini Sistem Operasi Android berdasarkan linux yang digunakan oleh peranti mudah alih seperti telefon pintar, *tablet* dan *notebook*. Pendedahan mengenai pengetahuan asas dan kaedah pembangunan aplikasi yang berkaitan dengan teknologi android serta pengkongsian idea, pengalaman dan kepakaran di dalam pembangunannya merupakan topik utama yang dibentangkan oleh para penceramah. Seramai 253 peserta telah menghadiri seminar yang melibatkan 212 peserta dari agensi awam dan 41 peserta dari agensi swasta. Bengkel mempelajari kaedah pembangunan aplikasi android turut diadakan khusus kepada tenaga pengajar/pensyarah latihan kemahiran dan vokasional dan pelajar di dalam bidang IT.

Berikut ialah tajuk- tajuk pembentangan yang telah disampaikan oleh para penceramah yang terdiri daripada tiga penceramah jemputan dan seorang penceramah dalaman yang merupakan kakitangan CIAST serta satu pengendalian bengkel.

- i. Pembentangan 1 : *Android OS: The Missing Manual* oleh En. Muhammad bin Yusof, CIAST
- ii. Pembentangan 2 : ICON2 oleh Dr. Tang Mun Wai, Multimedia Corporation Development (MDeC)



Carta 6 : Statistik Kehadiran Peserta Seminar Android “The Future of Mobile Operating System”

- iii. Pembentangan 3 : Fajar Android oleh Farizshah Gaskin, Fariz Gaskin Technologies
- iv. Pembentangan 4 : *Fundamental of Mobile Device Security* oleh En. Ahmad Ismadi Yazid Sukaimi, Cyber Security Malaysia
- v. *Workshop Introduction to Android Development – The Layouts* oleh Nicholas A. Suppiah Training and Certification Division Dataware Sdn. Bhd.




1. Sesi bengkel kaedah pembangunan aplikasi android
2. Pendaftaran peserta Seminar
3. Pembentangan kertas kerja

Seminar Technology Update : The New Generation of Car Development

Seminar *Technology Update : The New Generation of Car Development* telah diadakan pada 21 November 2012 di Auditorium CIAST. Seminar ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkenaan Teknologi Enjin Hybrid.

Teknologi Enjin Hybrid ialah pilihan sumber bahan api bagi mengurangkan pergantungan kepada petrol dan diesel di mana kedua-dua bahan api fosil ini terdedah kepada kenaikan harga dan pencemaran alam sekitar. Teknologi Enjin Hybrid ini sudah sekian lama dimajukan oleh beberapa organisasi gergasi automotif dan terbukti berhasil melahirkan kenderaan mesra alam. Teknologi Hybrid ini didefinisikan sebagai penggunaan kenderaan yang menggunakan dua atau lebih gabungan bahan api dan kuasa elektrik untuk menggerakkan motor kenderaan dan dalam masa yang sama dapat meminimalkan penggunaan minyak kenderaan.

Pada akhir seminar peserta lebih memahami mengenai Teknologi Enjin Hybrid dan juga menyedari akan konsep teknologi hijau yang sering dikaitkan dengan enjin hybrid di mana teknologi ini memberi kesan langsung kepada alam sekitar.



1. Pembentangan kertas kerja
2. Sekitar seminar *Technology Update : The New Generation of Car Development*
3. Antara peserta yang menghadiri seminar

Seminar Current Experiences, Future Possibilities in National Dual Training System (NDTS)

Seminar ini merupakan anjuran bersama CIAST dan German-Malaysia Institute (GMI) dan ianya telah diadakan pada 28 Jun 2012 di Auditorium CIAST bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengajar, jurulatih dan kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem Latihan Dual National - SLDN (National Dual Training System - NDTS). Seminar ini juga bertujuan untuk menyediakan *platform* bagi penerokaan bidang kerjasama dan memberi tumpuan kepada pembelajaran dan latihan SLDN. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh En. Nidzam bin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah JPK dan dihadiri oleh seramai 246 peserta.

Kertas kerja yang dibentangkan merangkumi *self check*, *complete cycle*, *social skill* dan *social value* serta *assessment* dalam SLDN. Penceramah yang terlibat adalah seperti berikut.

- a. Pn. Nor Faezah bt. Arshad dari Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.
- b. En. Ngan Cheng Hwa dari GMI
- c. Prof. Dr. Rahim bin Md Sail dari Universiti Putra Malaysia (UPM)
- d. En. Syamil Fahim bin Mohamed dan En. Nor Azma bin Arif dari Kumpulan Media Karang Kraf Shah Alam.

Sesi forum juga diadakan bagi membincangkan kaedah peningkatan keberkesanan pembelajaran dan latihan yang dikendalikan oleh En. Mohamad Azri bin Ibrahim dari GMI. Ahli panel terdiri daripada :

- a. Dr. Azhar bin Hj Sarip dari Master Trainer Spiritual NLP Training
- b. Prof. Wahid bin Razally dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- c. En. Mohd Nor bin Hussein dari Toyata Services Sdn. Bhd.
- d. En Mohamad bin Yaacob, Pengarah Bahagian SLDN, JPK
- e. En. Azarie bin Idris dari Business Information Technology Subang Bhd.



Majlis Perasmian disempurnakan oleh Encik Nidzam bin Kamarulzaman, Timbalan KP JPK



Sesi forum

PENGANJURAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN

Pertandingan *MySkills*

Pertandingan *MySkills* tahun 2012 telah diadakan dengan melibatkan tujuh bidang, iaitu *Mechtronics*, *Wall and Floor Tiling*, *Electrical Installation*, *Ladies' and Men's Hair Dressing*, *Beauty Therapy*, *Refrigeration and Air Conditioning* dan *Batik Painting*.

Ujian Saringan Pertandingan *MySkills*

Peringkat Saringan Pertandingan *MySkills* 2012 telah diadakan di CIAST pada 15 Februari 2012 bagi zon Semenanjung Malaysia. Selain itu, ianya juga diadakah di zon Sabah dan Sarawak. Jadual 14 menunjukkan bilangan calon yang memohon, menghadiri dan layak ke peringkat pra-kelayakan. Seramai 171 orang peserta telah berjaya memasuki peringkat pra-kelayakan.



Ujian saringan Pertandingan *MySkills*

Jadual 14 : Analisis Pertandingan *MySkills* Peringkat Saringan

Bil.	Bidang	Permohonan			Hadir			Layak ke peringkat Pra-Kelayakan
		SM	SB	SR	SM	SB	SR	
1.	Mechatronics	48	3	4	47	3	3	46
2.	Wall & Floor Tiling	23	12	0	22	12	0	27
3.	Electrical Installation	76	19	9	69	12	8	31
4.	Ladies' & Men's Hair Dressing	15	0	0	14	0	0	12
5.	Beauty Therapy	5	0	2	2	0	2	3
6.	Refrigeration & Air Conditioning	34	3	2	30	3	2	36
7.	Batik Painting	21	1	0	15	1	0	16
Jumlah		222	38	17	199	31	15	171

SM : Semenanjung Malaysia | SB : Sabah | SR : Sarawak

Peringkat Pra Kelayakan Pertandingan *MySkills*

Pertandingan Pra-Kelayakan *MySkills* diadakan di bengkel Mekatronik, CIAST pada 24 hingga 27 Mac 2012 bagi bidang *Mechtronics* yang melibatkan 46 orang peserta. Bagi bidang-bidang lain, peringkat pra-kelayakan diadakan di pusat-pusat berauliah lain seperti Jadual 15.

Jadual 15 : Analisis Pertandingan *MySkills* Peringkat Pra Kelayakan.

Bil.	Bidang	Lokasi	Bil. Peserta Bertanding	Bil. Peserta Lulus
1	Mechtronics	CIAST	46	6
2	Wall & Floor Tiling	Akademi Binaan Malaysia	27	8
3	Electrical Installation		31	8
4	Ladies' & Men's Hair Dressing	A Cut Above	12	8
5	Beauty Therapy	NORZ Beauty	3	1
6	Refrigeration & Air Conditioning	ADTEC Shah Alam	36	8
7	Batik	Institut Kraf Negara	16	8
Jumlah			171	47

Peringkat Akhir Pertandingan *MySkills* 2012

Peringkat Akhir Pertandingan *MySkills* 2012 telah diadakan pada 1 hingga 4 Julai 2012 yang melibatkan 46 orang peserta dalam enam bidang yang dipertandingkan. Manakala bagi bidang *Beauty Therapy*, peserta yang merupakan peserta tunggal telah diuji pada 5 hingga 8 Julai 2012 bersama-sama dengan peserta Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM).

Secara keseluruhannya, daripada tujuh bidang yang dipertandingkan, satu pingat platinum, dua pingat emas, lima pingat perak, lima pingat gangsa dan 23 sijil kecemerlangan telah dianugerahkan. Jadual 16 dan Jadual 17 menunjukkan jumlah pungutan pingat mengikut bidang dan agensi.

Jadual 16 : Pungutan Pingat Mengikut Bidang Pertandingan

Bil.	Bidang	Platinum	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
1	Mechatronics	0	0	1	0	0	1
2	Wall & Floor Tiling	0	1	1	1	5	8
3	Electrical Installation	0	0	1	1	4	6
4	Ladies' & Men's Hair Dressing	0	0	0	1	7	8
5	Beauty Therapy	0	0	1	0	0	1
6	Refrigeration & Air Conditioning	0	0	0	1	5	6
7	Batik Painting	1	1	1	1	2	6
Jumlah		1	2	5	5	23	36

SK : Sijik Kecemerlangan

Jadual 17 : Pungutan Pingat Mengikut Agensi

Bil.	Agensi	Platinum	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
1	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	0	0	1	2	9	12
2	MARA	0	0	0	0	2	2
3	GIATMARA	0	1	0	1	2	4
4	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	0	0	0	1	2	3
5	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	0	1	0	0	1	2
6	Institut Kraf Negara	1	0	1	0	1	3
7	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	0	0	0	0	0	0
8	Akademi Binaan Malaysia (ABM)	0	0	1	0	0	1
9	Pusat Latihan Pembangunan Belia (PLPB)	0	0	0	0	0	0
10	Poly-Tech MARA	0	0	0	0	0	0
11	Swasta & Lain-lain	0	0	2	1	6	3
Jumlah		1	2	5	5	23	36

SK : Sijil Kecemerlangan

Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) Ke-21

Penganjuran PKM merupakan aktiviti tahunan bertujuan untuk memilih serta mengiktiraf para belia dan juga pekerja mahir. Mereka yang mempunyai kemahiran unggul berpeluang mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) setelah melalui proses saringan dan penilaian yang telah ditetapkan.

Pertandingan Pra Kelayakan PKM Ke-21

Pertandingan peringkat pra kelayakan PKM telah diadakan pada 1 hingga 2 April 2012 di CIAST bagi enam bidang yang melibatkan 71 orang peserta seperti Jadual 18.

Jadual 18 : Maklumat Pra Kelayakan PKM yang Diadakan di CIAST

Bil.	Bidang	Tarikh	Bilangan Peserta
1	Mechatronics	1 April 2012	10 (5 pasukan)
2	IT Software Solution For Business	1 April 2012	11
3	Web Design	1 April 2012	4
4	Electronics	1 - 2 April 2012	17
5	IT Network Systems Administration	1 April 2012	16
6	Graphic Design	1 April 2012	13
Jumlah			71

Pertandingan pra kelayakan juga telah diadakan di beberapa lokasi yang lain bermula 1 April hingga 6 Mei 2012 dengan penyertaan seramai 77 orang peserta seperti Jadual 19 dengan melibatkan lima bidang kemahiran.

Jadual 19 : Maklumat Pra Kelayakan PKM yang Diadakan di Luar CIAST

Bil.	Bidang	Lokasi	Tarikh	Bil. Peserta
1	Beauty Therapy	NORZ Beauty House	1 April 2012	6
2	Cooking	UPM, Serdang	1 – 2 April 2012	16
3	Fashion Technology	Bak's Creation	1 April 2012	8
4	Restaurant Service	UPM, Serdang	1 – 2 April 2012	16
5	Automobile Technology	Pekan, Pahang	3 – 6 Mei 2012	31
Jumlah				77

Pertandingan Akhir PKM Ke-21

Pertandingan Akhir PKM telah diadakan pada 5 hingga 8 Julai 2012 di beberapa lokasi pertandingan yang melibatkan 21 bidang kemahiran seperti Jadual 20.

Jadual 20 : Bilangan Peserta dan Lokasi Pertandingan Akhir PKM 2012

Bil.	Bidang	Lokasi	Bilangan Peserta
1	Automobile Technology	CIAST	6
2	Beauty Therapy	CIAST	4
3	Electronics	CIAST	15
4	Fashion Technology	CIAST	8
5	Graphic Design Technology	CIAST	7
6	IT Network Systems Administration	CIAST	8
7	IT Software Solution For Business	CIAST	6
8	Mechatronics	CIAST	12
9	Web Design	CIAST	8
10	Cabinetmaking	WISDEC	8
11	Joinery	WISDEC	6
12	Restaurant Service	UPM	5
13	Cooking	UPM	7
14	Mechanical Engineering Design CADD	ABM Tengah	5
15	Plumbing & Heating	ABM Tengah	6
16	Refrigeration & Air Conditioning	ABM Tengah	8
17	Wall & Floor Tiling	ABM Tengah	6
18	Decorative Painting	ABM Tengah	5
19	Electrical Installations	ABM Tengah	16
20	Welding	ABM Tengah	15
21	Bricklaying	ABM Tengah	6
Jumlah			167



Peserta PKM sedang bertanding



Nur Suriyani bt. Musa, penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dari INSPENS International College bidang *Fashion Technology*

Sebanyak 11 pingat emas, 13 pingat perak, 14 pingat gangsa dan 28 Sijil Kecemerlangan telah dianugerahkan dalam pertandingan ini yang melibatkan 21 bidang kemahiran. Di kalangan penerima anugerah ini, GIATMARA muncul sebagai agensi paling cemerlang dengan memenangi lima pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa. Jadual 21 dan Jadual 22 menunjukkan jumlah pungutan pingat mengikut agensi dan bidang.

Jadual 21 : Pungutan Pingat dan Sijil Kecemerlangan Mengikut Agensi

Bil.	Agensi	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
1	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	2	5	0	5	12
2	MARA	0	2	6	2	10
3	Giatmara	5	1	1	5	12
4	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	0	1	2	2	5
5	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	2	1	2	6	11
6	CIAST	0	0	2	0	2
7	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	0	1	0	1	2
8	Akademi Binaan Malaysia (ABM)	0	1	0	1	2
9	Pusat Latihan Pembangunan Belia (PLPB)	0	0	1	0	1
10	Swasta & Lain-lain	2	1	0	6	9
Jumlah		11	13	14	28	66

SK: Sijil Kecemerlangan

Jadual 22 : Pungutan Pingat dan Sijil Kecemerlangan PKM 2012 Mengikut Bidang

Bil.	Bidang	Emas	Perak	Gangsa	SK	Jumlah
1	Automobile Technology	1	1	1	1	4
2	Beauty Therapy	1	1	1	1	4
3	Bricklaying	1	1	0	0	2
4	Cabinetmaking	1	1	1	1	4
5	Cooking	1	1	1	4	7
6	Decorative Painting	0	0	0	1	1
7	Electrical Installations	1	1	1	5	8
8	Electronics	1	0	0	2	3
9	Fashion Technology	1	1	1	3	6
10	Graphic Design Technology	0	1	1	2	4
11	IT Networks Systems Administration	0	1	1	3	5
12	IT Software Solution For Business	0	0	0	0	0
13	Joinery	1	1	1	1	4
14	Mechatronics	0	2	2	0	4
15	Mechanical Engineering Design CADD	0	0	0	1	1
16	Plumbing & Heating	0	0	0	0	0
17	Refrigeration & Air Conditioning	0	0	0	1	1
18	Restaurant Service	1	1	1	2	5
19	Wall & Floor Tiling	1	0	1	0	2
20	Web Design	0	0	1	0	1
21	Welding	0	0	0	0	0
Jumlah		11	13	14	28	66

SK: Sijil Kecemerlangan

Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skills Competition - ASC) 2012

ASC mula diperkenalkan pada tahun 1995. Ianya merupakan penganjuran pertandingan kemahiran yang mampu menguji tahap kompetensi belia dari negara ASEAN dan merupakan platform kepada peserta untuk menyertai *World Skills Competition* (WSC). ASC 2012 telah diadakan di *Jakarta Convention Centre* dan Sekolah Tinggi Parawisata Trisakti, Jakarta, Indonesia bermula 11 hingga 20 November 2012. Kontingen Malaysia ke ASC Jakarta dianggarkan seramai 141 orang diketuai oleh YB Senator Dato' Maznah bt. Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku Pengurus Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM).

Seramai 44 orang peserta Malaysia telah menyertai ASC untuk bertanding dalam 22 bidang kemahiran daripada 23 bidang yang dipertandingkan. Peserta yang terpilih mewakili Malaysia telah melalui beberapa siri ujian saringan dan diberi latihan pemantapan untuk memantapkan lagi kemahiran bagi menghadapi cabaran pertandingan di luar negara.

Sesi pemilihan peserta ASC 2012 bagi bidang *web design*

Malaysia telah membawa pulang tiga pingat emas, empat pingat perak, empat pingat gangsa dan 14 “*Medallion For Excellance*”. Ini merupakan antara pencapaian terbaik kontijen Malaysia dalam ASC. Peserta negara, iaitu Amran bin Naim bidang *Plumbing and Heating* telah dianugerahkan sebagai peserta terbaik negara. Jadual 23 menunjukkan keputusan penuh pencapaian ASC 2012.

Jadual 23 : Pencapaian Peserta Malaysia Tahun 2012

Bil.	Nama	Bidang	Markah	Pencapaian
1	Muhamad Hazik Zulkarnain bin Md Lukman	Mechatronics	493	SP
2	Muhamad Nazrul Naim bin Azhar			
3	Mohamad Faizal bin Abdul Malik	Mechanical Eng. Design	536	Perak
4	Woo Ruey Yuen		513	MFE
5	Izrul Akmal bin Abu Hassan	IT s/w Solution for Business	477	SP
6	Lai Mom Hang		476	SP
7	Abdul Latif bin Ibrahim	Welding	530	Gangsa
8	Mohd Syazwan bin Hashim		530	Gangsa
9	Lewi Steven	Wall & Floor Tiling	516	Perak
10	Mohamad Shukri bin Sintang		435	SP
11	Amran bin Naim (Best of Nation)	Plumbing and Heating	539	Emas
12	Edward Enggong Anak Ripin		495	SP
13	Izzaddin Rusyaimil bin Ahmad Mubarak	Electronics	501	MFE
14	Mohamad Farhan bin Kasri		460	SP
15	Yuni Fardzuan bin Othman	Web Design	498	SP
16	Radzi Amin bin Ramleh		496	SP

17	Nik Mohd Fakhrul Razi bin Nik Ahmad Kamil	Electrical Installations	533	Emas
18	Mohd Shahrul Nizam bin Latif		528	MFE
19	Mohamad Haziq bin Mohd Naim	Industrial Automation	481	SP
20	Erwinns bin Sindu			
21	Mohd Norazwan bin Rosli	Bricklaying	512	MFE
22	Khairul Hakim bin Abd Rashid		506	MFE
23	Muhammad Zulkarnain bin Sudin	Cabinet Making	516	Gangsa
24	Taqiuddin bin Bahrul		509	MFE
25	Sankkar a/l Rajan	Joinery	500	MFE
26	Marcillos Chung Chin Loong		477	SP
27	Nurul Hidayah bt. Mohd Sabri	Ladies'/Men's Hairdressing	505	MFE
28	Chang Wai Ken		513	MFE
29	Siti Nor Fatihah bt. Loh	Beauty Therapy	508	MFE
30	Ainun Basyirah bt. Arifin		492	SP
31	Ruquiyah bt. Azahar	Fashion Technology	518	Gangsa
32	Nur Amalina bt. Ismail		448	SP
33	Mohamad Hilmi bin Abdul Razak	Automobile Technology	498	SP
34	Muhamad Rasyid bin Kosni		498	SP
35	Chen Kim Leun	Cooking	525	Emas
36	Nurul Khamisah bt. Alias		504	MFE
37	Ooi Jian Chian	Restaurant Service	526	Perak
38	Muhammad Saffian bin Ahmad Sabri		484	SP
39	Muhammad Aizat bin Saari	Refrigeration and Air Conditioning	524	Perak
40	Suzyde Kimin		514	MFE
41	Mohd Zarul bin Azali	IT Network System Admin.	515	MFE
42	Zawawi bin Embong		511	MFE
43	Muhammad Ali Zulfaqqar bin Shafie	Graphic Design Technology	489	SP
44	Muhammad Fauzi bin Zainal Arifan		487	SP

SP: Sijil Kecemerlangan / MFE :

Pertandingan Kemahiran Panasonic

Pertandingan Kemahiran Panasonic Malaysia merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Syarikat Panasonic (M) Bhd. untuk mencungkil bakat para pekerja yang berkhidmat dengan syarikat tersebut dan seterusnya bertanding dalam Pertandingan Kemahiran Panasonic Peringkat Dunia.

Pertandingan ini telah diadakan di CIAST pada 23 Jun 2012 di bawah pengurusan Syarikat Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd yang diketuai oleh En. Gan Wee Feng. Seramai 131 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang melibatkan lapan bidang seperti Jadual 24.

Jadual 24 : Maklumat Pertandingan Kemahiran Panasonic

Bil.	Bidang	Venue	Bil. Peserta
1.	PCB Assembly	Bengkel Elektronik	15
2.	Filing – Jig & Tool	Bengkel Pemesinan	17
3.	Filing – Die & molud	Bengkel Pemesinan	7
4.	Machining – Lathe	Bengkel Plastik	6
5.	Mechining – Milling	Bengkel Plastik	7
6.	Product Inspection	Dewan Besar	34
7.	Injection Skill	Bengkel Plastik	14
8.	Personal Computer	Bilik E-Training	31
Jumlah			131



Pendaftaran dan perasmian Pertandingan Kemahiran Panasonic 2012



Pendaftaran dan perasmian Pertandingan Kemahiran Panasonic 2012

PENGANJURAN LATIHAN ANTARABANGSA

Penganjuran Dan Statistik Latihan Antarabangsa

Kesan globalisasi yang melanda dunia pada masa ini telah membawa kesedaran yang memuncak kepada keperluan latihan teknikal dan vokasional serta sistem latihan kemahiran yang lebih mampan. Ini menyebabkan semua negara semakin saling bergantung di antara satu sama lain dalam menyediakan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berdaya saing.

Justeru itu, CIAST sebagai penyedia dan pelaksana latihan untuk pengajar kemahiran sentiasa giat melibatkan diri dalam program-program di peringkat antarabangsa. Penglibatan ini penting dalam membentuk persekitaran latihan kemahiran yang lebih berketerampilan, kompetitif dan cemerlang seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara-negara peserta yang terlibat di dalam latihan kemahiran.

Unit Perancangan dan Pembangunan Latihan Antarabangsa (UPPLA) di bawah Program Kelayakan Kekompetenian (KK) berfungsi untuk menyelaras dan memperluaskan latihan di peringkat antarabangsa dengan menganjurkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran serta bertindak untuk mengukuhkan hubungan CIAST dengan negara jiran dan negara maju melalui kerjasama antarabangsa.

Pada tahun 2012, CIAST telah melaksanakan sembilan kursus di bawah empat program berasingan dengan penyertaan seramai 121 peserta (Jadual 25). Manakala statistik permohonan dan penyertaan bagi program antarabangsa sepanjang tahun 2012 adalah seperti Jadual 26.

Penglibatan CIAST dalam latihan kemahiran di peringkat antarabangsa bermula semenjak tahun 1988. Sehingga tahun 2012, CIAST telah berjaya melaksanakan 65 kursus antarabangsa yang disertai oleh 732 peserta dari pelbagai negara seperti Jadual 27.

Jadual 25 : Statistik Latihan Antarabangsa Tahun 2012

Nama Program	Kursus / Bidang	Tarikh / Tempoh	Negara Peserta	Bil Peserta
SkillsMalaysia INVITE Programme for Vietnam Trainers	Automotive			24
	Electrical			24
	Electronics	27 Dis – 26 Apr	Vietnam	23
	Welding			24
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 1)	Automotive	16 Jan – 7 Mac	Sudan	2
Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia under - Third Country Training Programme (MTCP-TCTP) *	- Automotive - Electrical - Petrol Engine & Transmission - Pedagogi - Internship	Kemahiran : 3 - 23 Sept (3 minggu) Pedagogi : 24 Sept - 12 Okt (3 minggu) Internship : 15 Okt – 23 Nov (6 minggu)	Cambodia	10
	- Electrical - Industrial Electrical Wiring & Motor Control - Pedagogi - Internship	Penilaian : 3 – 14 Dis (2 minggu)	Cambodia	10
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 2)	Metalwork	30 Okt – 26 Dis	Sudan	3
	Electrical Application			1
Jumlah				121

*MTCP-TCTP: Program tajaan bersama Kementerian Luar Negeri- KLN dan Japan International Cooperation Agency - JICA

Jadual 26 : Statistik Permohonan dan Penyertaan Antarabangsa Tahun 2012

Nama Program	Statistik Permohonan		Statistik Terpilih		Bil Hadir
Skills Malaysia INVITE Programme for Vietnam Trainers	Bil Peserta			96	
	Bil Penterjemah			4	95
	Bil Negara			1	
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 1)	Bil Peserta			2	
	Bil Penterjemah			1	2
	Bil Negara			1	
MTCP-TTCP (AUTOMOTIVE)	Bil Permohonan	15	Bil Terpilih	10	10
	Bil Negara	1	Bil Negara	1	
	Layak	10	Kapasiti	10	
MTCP-TTCP (ELECTRICAL)	Bil Permohonan	15	Bil Terpilih	10	10
	Bil Negara	1	Bil Negara	1	
	Layak	10	Kapasiti	10	
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 2)	Bil Peserta			4	
	Bil Penterjemah			2	4
	Bil Negara			1	

Jadual 27 : Statistik Keseluruhan Latihan Antarabangsa 1988 – 2012

	Nama Program	Kursus	Peserta
ART	(ASEAN Regional Training)	18	158
TCTP	(Third Country Training Program)	19	193
TTCP	(Trilateral Technical Cooperation Program)	1	20
MTCP	(Malaysian Technical Cooperation Program)	9	98
MTCP-TTCP	(Malaysian Technical Cooperation Program -Third Country Training Program)	9	96
SMI	SkillsMalaysia INVITE	4	95
Lain-lain		5	72
Jumlah		65	732

SkillsMalaysia Invite Programme for Vietnam Trainers dengan Kerjasama SEGi University College

Program kerjasama di antara CIAST dan SEGi University College merupakan program pertama yang dilaksanakan atas jenama *SkillsMalaysia INVITE*. Program ini telah bermula penghujung tahun 2011, iaitu 28 Disember 2011 dan berterusan sehingga 26 April 2012 selama empat bulan. Tujuan program ini adalah untuk membantu kerajaan Vietnam meningkat dan mengukuhkan tahap kemahiran tenaga pengajar yang terlibat dengan latihan kemahiran di Vietnam.

Seramai 95 pengajar dari pelbagai daerah di Vietnam, telah menjalani kursus dalam bidang Elektrikal (24 peserta), Elektronik (23 peserta), Automotif (24 peserta) dan Kimpalan (24 peserta). Penterjemah bahasa inggeris seramai empat orang dari Vietnam turut hadir dalam membantu peserta untuk memahami dan menguasai latihan yang dilaksanakan. Peserta juga dilibatkan dengan lawatan ke beberapa industri dan institusi latihan kemahiran di Malaysia antaranya Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, PROTON, Welding Industries Malaysia Sdn Bhd, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar.



Penyerahan sijil dan persembahan sempena Majlis Penyampaian Sijil



Pihak Pengurusan CIAST mengiringi kepulangan peserta Vietnam

Majlis penyampaian sijil telah diadakan pada 19 April 2012 di Auditorium CIAST. En. Nidzam bin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah JPK telah menyampaikan amanat YB Timbalan Menteri Sumber Manusia dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta. Majlis ini telah dihadiri seramai 200 orang tetamu dengan melibatkan pihak pengurusan SEGi, Pegawai-pegawai kanan JPK dan CIAST serta kehadiran pihak media. Setelah menjalani latihan selama empat bulan di Malaysia, para peserta telah selamat pulang ke Vietnam pada 27 April 2012. Pihak pengurusan tertinggi CIAST turut hadir ke KLIA untuk mengiringi dan mengucapkan selamat jalan kepada para peserta.



Peserta sewaktu lawatan bidang ke ILSAS dan IKM Jasin

Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia under Third Country Training Programme (MTCP-TCTP 2012)

Tahun 2012 merupakan tahun ketiga pelaksanaan *Third Country Training Programme* yang melibatkan Cambodia sebagai negara peserta. Dengan kepercayaan daripada pihak Kementerian Luar Negeri dan JICA Malaysia, projek yang dirangka untuk tiga tahun yang bermula dari tahun 2010 merupakan permintaan khas kerajaan Cambodia dalam membantu pembangunan latihan teknikal dan vokasional yang dilaksanakan di negara mereka mengikut keperluan yang bersesuaian.

Seramai 20 peserta daripada 12 institusi latihan kemahiran dari pelbagai wilayah di Cambodia telah menyertai program ini. Cambodia sekali lagi telah memilih bidang otomotif dan elektrikal sebagai bidang yang perlu dilatih dengan menggunakan kapasiti penuh latihan, iaitu 10 peserta bagi setiap bidang. Program yang melibatkan latihan kemahiran dan pedagogi selama enam minggu di CIAST telah dilaksanakan pada 3 September hingga 12 Oktober 2012.

Latihan tersebut turut disertai dengan lawatan ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Chembong, TNB Integrated Learning Solutions Sdn Bhd (ILSAS), Institut Kemahiran MARA (IKM) Jasin dan IKBN Alor Gajah. Selain itu, peserta turut berpeluang melawat tempat-tempat yang menarik di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka.

Bagi memastikan latihan yang diterima dapat dipraktikkan dengan baik, para peserta perlu menjalani latihan *internship* selama enam minggu bermula 15 Oktober hingga 23 November 2012 di institusi kemahiran di Cambodia. Ia diikuti dengan sesi penilaian keberkesanan *internship* yang melibat empat pegawai CIAST ke Cambodia pada 3 September hingga 23 Disember 2012.

Majlis Perasmian TCTP 2012 telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST pada 3 September 2012 di Hotel De Palma, Shah Alam. Majlis ini turut dihadiri oleh Cik Delfina Jane, pegawai Kementerian Luar Negeri, Madam Okubo Kyoko, *Senior Representative* JICA Malaysia, En. Zaimi bin Shary dari *Tourism Selangor* dan pegawai-pegawai kanan CIAST. Majlis Penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Maznah bt. Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 11 Oktober 2012 di Hotel De Palma, Shah Alam dengan dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK, En. Mohamad Azhar bin Mazlan, Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Luar Negeri, Mr. Sato Kunihiko, *Chief Representative* JICA Malaysia, Mr. Puth Hemonna dari *Royal Embassy of Cambodia* di Malaysia dan pegawai-pegawai kanan JPK dan CIAST.



1

2



3

- 1&2. YB Timbalan Menteri Sumber Manusia beramah mesra dengan peserta dan menyampaikan surat tamat kursus kepada peserta
3. Ucapan perasmian daripada YB Senator Dato' Maznah bt. Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia
4. YB Senator Dato' Maznah bt. Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia bergambar kenangan bersama-sama peserta

4





Majlis Penyampaian Sijil TCTP kepada peserta di Cambodia

Bagi menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh CIAST terhadap pelaksanaan *Third Country Training Programme*, selain daripada empat pegawai yang melaksanakan penilaian di Cambodia, pihak JICA Malaysia telah berbesar hati menjemput Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST dan tiga pegawai CIAST yang terlibat di dalam *Fact Finding Mission* untuk turut hadir sewaktu Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung pada 14 Disember 2012 di Hotel Sunway, Cambodia.

Attachment Programme for Sudan Trainers Siri 1 dan 2

CIAST telah diberi kepercayaan oleh pihak JICA Sudan untuk membantu pengajar dari *Kassala Vocational Training Center* (KVTC) Sudan dengan kerjasama *International Development Center of Japan* (IDCJ) untuk melaksanakan *attachment programme* yang merupakan program penempatan sambil bekerja yang pertama kali dilaksanakan untuk peserta antarabangsa. Objektif program penempatan ini adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran teknikal tenaga pengajar Sudan di samping menanda aras pelaksanaan sistem latihan kemahiran di Malaysia. Program yang pada asalnya dirancang untuk satu siri telah dilanjutkan ke siri yang kedua berikutan keberkesanan dan kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh para peserta daripada siri yang pertama.

Siri pertama program ini telah dijalankan pada 16 Januari hingga 8 Mac 2012 dengan memberi fokus kepada bidang automotif yang merupakan bidang yang kritikal di Sudan. Dalam tempoh dua bulan, dua pengajar, iaitu En. Mustafa Ahmed Sharief dan En. Bahaeldin Saad Ahmed Yousif telah dibimbing dan dilatih dalam penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang khusus melalui pemerhatian dan pengalaman yang diperolehi sewaktu penempatan dibantu oleh seorang penterjemah yang dilantik. Oleh kerana Sudan merupakan negara yang banyak terlibat dengan hasil pertanian, CIAST telah bekerjasama dengan pihak IKBN Chembong untuk memberikan latihan tambahan kepada peserta dalam modul *Heavy Machinery for Agriculture*.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah diadakan pada 7 Mac 2012 di CIAST dan telah disempurnakan oleh Pengarah CIAST yang turut dihadiri oleh Mr. Atsunori Kume dari JICA Sudan, En. Isrami Ismail dari I-Firm Sdn. Bhd, pihak pengurusan CIAST dan para pengajar automotif.



Peserta sedang mengikuti modul *Tractor System Diagnosis*



Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST bergambar kenangan semasa Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil
Attachment Programme for Sudan Trainers (Siri 1)



Penyampaian sijil dan cenderahati kepada peserta oleh Pengarah CIAST


Bagi siri kedua program ini, dua bidang telah dijalankan, iaitu *electrical application* dan *metalwork* yang telah bermula pada 30 Oktober hingga 27 Disember 2012. Penempatan siri kedua ini melibatkan seorang pengajar untuk bidang *electrical application* dan tiga pengajar untuk bidang *metalwork*. Khidmat dua orang penterjemah telah digunakan untuk membantu para peserta di sepanjang sesi penempatan.

Dengan menggunakan pendekatan yang sama seperti program siri pertama, para pengajar perlu menyediakan *action plan* sebelum kembali ke Sudan dan akan membangunkan bahan pengajaran apabila tiba di Sudan. Dalam program siri kedua ini, para peserta berpeluang mengikuti lawatan bidang ke Welding Industries Malaysia Sdn Bhd, IKM Jasin dan IKBN Alor Gajah, Melaka. Para peserta turut berpeluang mengunjungi tempat perlancungan di Melaka, *Malaysia Agriculture Horticulture Agrotourism International Show (MAHA)* dan i-City.

Majlis Penutup dan Penyerahan Sijil kepada peserta telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST pada 26 Disember 2012 di Hotel De Palma, Shah Alam. Mr. Atsunori Kume turut menyampaikan ucapan terima kasih dari pihak JICA Sudan kepada CIAST atas latihan dan kerjasama yang diberikan kepada para peserta. Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan CIAST dan para pengajar yang terlibat dengan pelaksanaan program ini.

PENTAULIAHAN PERSONEL DAN PAKAR

Unit Pentaulianan Personel dan Pakar (PP&P) atau sebelum ini dikenali sebagai Unit Pentaulianan Tenaga Pengajar (PTP) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi Unit Direktori Pakar Industri Negara (DPIN) dari Bahagian Pembangunan Kepakaran (PK), ibu pejabat JPK berkuatkuasa 18 Januari 2012. Rajah 8 menunjukkan sejarah perubahan nama unit dan Jadual 28 menunjukkan fungsi setiap bahagian di unit PP&P.



Rajah 8 : Sejarah Perubahan Fungsi dan Nama Unit PP&P Program KK

Jadual 28 : Fungsi Setiap Bahagian di Unit PP&P

Bil.	Unit	Fungsi
1	Bahagian Personel (PPKSPP)	i. Mengurus Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulianan (PPKSPP)
2	Bahagian Pakar (DPIN)	i. Mengumpul, mendaftar dan memperakukan Pakar Industri Negara (PIN) ii. Mengawalselia Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)
3	Bahagian Pembangunan dan Pemantapan Pakar	i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan Program Pembangunan dan Pemantapan Pakar Lantikan DPIN. ii. Membangunkan, menyelaras dan melaksanakan Penilaian Pembaharuan Lantikan DPIN

Bahagian Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulianan (PPKSPP)

Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulianan (PPKSPP) diberi oleh JPK kepada personel Pusat Bertauliah (PB), pusat latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), dan Syarikat SLDN yang memenuhi kriteria dan syarat perlantikan. Jadual 29 merupakan personel PPKSPP yang telah diproses sepanjang tahun 2012.

Jadual 29 : Statistik Permohonan dan Pemprosesan PPKSPP Tahun 2012

Bil.	Jawatan	Mohon
1	Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)	212
2	Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)	1379
3	Pegawai Penilai (PP)	2978
4	Pegawai Pengesah Dalaman- Pegawai Latihan Vokasional (PPD-PLV)	59
5	Pegawai Penilai Pegawai Latihan Vokasional (PP-PLV)	112
6	Coach Syarikat SLDN (COACH)	59
7	Pengajar Pusat Latihan SLDN (P SLDN)	54
Jumlah		4853

Jadual 30 menunjukkan statistik keputusan pengiktirafan untuk semua permohonan dan juga statistik permohonan baru yang melibatkan lantikan personel baru dan penambahan jawatan baru sahaja tetapi tidak termasuk pembaharuan jawatan sedia ada.

Secara keseluruhannya, sejak pengiktirafan personel diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga tahun 2012, sejumlah 13,195 PPKSPP telah dikeluarkan oleh JPK terhadap personel yang layak mengikut jawatan yang dipohon. Jadual 31 merupakan Statistik PPKSPP sehingga Disember 2012.

Daripada 13,195 jawatan personel yang mendapat pengiktirafan JPK, sebanyak 97% atau 12,824 jawatan adalah personel Pusat Bertauliah (PB) manakala baki 3% atau 371 jawatan adalah personel SLDN seperti yang tertera dalam Jadual 32 dan Carta 7.

Jadual 30 : Statistik Keputusan Lantikan PPKSPP Tahun 2012

Bil.	Jawatan	Permohonan Keseluruhan			Permohonan Baru		
		Mohon	Lantik	Tolak	Mohon	Lantik	Tolak
1	PPB	212	207	5	113	109	4
2	PPD	1379	1229	150	832	715	117
3	PP	2978	2649	329	1585	1309	276
4	PPD-PLV	59	38	21	37	19	18
5	PP-PLV	112	93	19	74	56	18
6	COACH	59	34	25	50	25	25
7	PSLDN	54	24	30	51	22	29
Jumlah		4853	4274	579	2742	2255	487

Jadual 31 : Statistik PPKSPP Mengikut Kategori Jawatan


Bil.	Jawatan	2008	2009	2010	2011	2012	Jumlah
1	PPB	88	112	141	179	109	629
2	PPD	416	792	757	765	715	3445
3	PP	2626	1667	1392	1418	1309	8412
4	PPD – PLV	0	0	18	23	19	60
5	PP – PLV	27	53	72	70	56	278
6	COACH	17	127	43	77	25	289
7	P SLDN	0	0	26	34	22	82
Jumlah		3174	2751	2449	2566	2255	13195

Jadual 32 : Pecahan Jawatan Personel PB dan Personel SLDN


Bil.	Kategori Personel	2008	2009	2010	2011	2012	Jumlah
1	PERSONEL PB	3157	2624	2380	2455	2208	12824
2	PERSONEL SLDN	17	127	69	111	47	371
	Jumlah	3174	2751	2449	2566	2255	13195

Jadual 33: Analisa Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan PPKSPP Tahun 2012

Bil.	Perkara	Skala Penilaian					Jumlah Kaji Selidik
		Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Cemerlang	
1	Mudah membuat permohonan secara 'online'	22	57	267	289	126	761
2	Penyimpanan rekod yang tepat dan sistematis	11	42	244	337	125	759
3	Yakin berurusan dengan pegawai JPK	5	30	209	340	175	759
4	Berpuashati dengan permohonan yang diproses	10	11	202	355	183	761
5	Pengajar perlu memiliki Sijil Kemahiran Malaysia dan sijil Kelayakan Mengajar/Vokasional	6	9	150	314	281	760
6	Perkidahtan yang diberi secara keseluruhan	9	10	204	388	148	759
	Jumlah	63	159	1276	2023	1038	



Carta 7 : Pecahan Jawatan Personel PB dan Personel SLDN



Carta 8 : Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan PPKSPP Tahun 2012

Bahagian PPKSPP telah membuat kaji selidik kepuasan pelanggan sebagai maklum balas bagi meningkatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Hasil analisa tersebut didapati persepsi pelanggan terhadap mutu perkhidmatan di bahagian PPKSPP adalah sangat memuaskan. Perincian analisa data kepuasan pelanggan yang diperolehi dapat dilihat dalam Jadual 33 dan Carta 8.

Bahagian Daftar Pakar Industri Negara (DPIN)

Bahagian DPIN diwujudkan bagi mengumpul, mendaftar dan memperakurkan individu atau personel yang berpengalaman luas dan berkemahiran dalam sektor industri mengikut kriteria yang telah digariskan dalam Panduan Permohonan Pendaftaran DPIN. Pelantikan ini dibuat bagi membolehkan pihak JPK mengenalpasti pakar industri atau pakar pengajar berkelayakan untuk dilantik menjalankan tugas tertentu dalam suatu tempoh yang ditetapkan.


Berikut ialah jawatan DPIN yang didaftarkan ;

- Pakar Industri (PIND) ,
- Pakar Pengajar (PAJAR) ,
- Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) ,
- Panel Hakim Pertandingan Kemahiran (HAKIM) ,
- Perunding Sistem Dual (DSE) ,
- Panel NOSS (PNOSS) ,
- Pegawai Pengesah Luaran (PPL) ,
- Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT) ,
- Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT),
- Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN) ,
- Pegawai Pengesah Luaran Pegawai Latihan Vokasional (PPL-PLV) dan
- Pemeriksa Ujian Tanpa Musnah (Pemeriksa NDT).

Sejak pengiktirafan DPIN mula diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga tahun 2012, sejumlah 9,950 jawatan Pakar JPK telah diiktiraf. Jadual 34 dan Carta 9 menunjukkan statistik dan peratus pengiktirafan Pakar JPK sehingga Disember tahun 2012.

Jadual 34 : Statistik Personel Pakar JPK Mengikut Kategori Jawatan Sehingga Tahun 2012

Bil.	Jawatan	Jumlah Permohonan 2012	Jumlah Lantikan 2012	Jumlah Lantikan Terkumpul Hingga 2012
1	PIND	732	618	1857
2	PAJAR	465	365	1776
3	PPL	705	439	1970
4	PPL-PLV	149	101	235
5	PPL-SLDN	317	204	556
6	PP-PPT	639	395	1674
7	PPL-PPT	217	112	304
8	JPPK	129	88	421
9	HAKIM	108	50	182
10	PNOSS	319	286	597
11	DSE	154	66	359
12	PEMERIKSA NDT	5	1	19
Jumlah		3939	2725	9950




Carta 9 : Peratus Personel Pakar JPK Mengikut Jawatan Tahun 2012

Kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian DPIN juga telah dibuat. Keputusan kaji selidik didapati persepsi pelanggan terhadap mutu perkhidmatan di bahagian DPIN adalah sangat memuaskan dan juga cemerlang. Rujuk Jadual 35 dan Carta 10 analisa kaji selidik berkaitan.

Jadual 35 : Analisa Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap DPIN Tahun 2012

Bil.	Perkara	Skala Penilaian					Jumlah Kaji Selidik Kurang Memuaskan
		Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Tidak Memuaskan	
1	Mudah membuat permohonan secara 'online'	2	20	169	288	189	668
2	Penyimpanan rekod yang tepat dan sistematis	-	6	127	338	198	669
3	Yakin berurus dengan pegawai JPK	-	-	65	288	322	675
4	Berpuashati dengan permohonan yang diproses	-	3	65	291	309	668
5	Pengajar perlu memiliki Sijil Kemahiran Malaysia dan sijil Kelayakan Mengajar/Vokasional	-	-	67	252	348	667
6	Perkhidmatan yang diberi secara keseluruhan	-	-	70	328	274	672
Jumlah		2	29	563	1785	1640	



Carta 10 : Analisa Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap DPIN 2012

Bahagian Pembangunan dan Pemantapan Pakar

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan Program Pembangunan dan Pemantapan Pakar Lantikan DPIN yang melibatkan jawatan PP-PPT dan PPL sahaja. Program Pembangunan dan Pemantapan PPL dan PP-PPT dibuat bagi tujuan meningkatkan profesionalisme dan kekompetenan PPL dan PP-PPT dalam melaksanakan verifikasi penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Mekanism penaksanaan program ini adalah melalui dua kaedah, iaitu Kursus Pemantapan PPL/PP-PPT dan Penilaian Pembaharuan PPL.

Kursus Pemantapan PPL/PP-PPT

Kursus ini dijalankan bagi menyalurkan maklumat terkini JPK berkaitan Dasar, Peraturan dan Prosedur Verifikasi serta Sistem Jaminan Mutu Persijilan Kemahiran Malaysia kerana PPL/PP-PPT merupakan antara personel lantikan JPK yang paling hampir dengan sistem dan bertanggungjawab memastikan kualiti latihan kemahiran yang dijalankan oleh Pusat Bertauliah (PB) memenuhi kriteria kemahiran yang ditetapkan.

Kursus ini dilaksanakan dengan memberi penerangan secara lisan, perbincangan, kajian kes, kerja berkumpulan dan edaran nota bertulis kepada peserta. Sebanyak sembilan siri kursus telah dijalankan termasuk tiga siri kursus tambahan seperti dalam Jadual 36.

Jadual 36 : Statistik Penganjuran Kursus Pemantapan PPL/ PP-PPT Tahun 2012

Bil.	Program	Tarikh	Jumlah Peserta	Catatan
1	Kursus Pemantapan PPL Siri 1/2012	27-28 Mar 2012	71	
2	Kursus Pemantapan PPL Siri 2/2012	16-17 Apr 2012	70	Tambahan
3	Kursus Pemantapan PPL Siri 3/2012	14-15 Mei 2012	69	
4	Kursus Pemantapan PPL Siri 4/2012	16-17 Jul 2012	102	
5	Kursus Pemantapan PPL Siri 5/2012	10-11 Sept 2012	33	
6	Kursus Pemantapan PPL Siri 6/2012	15-16 Okt 2012	23	
7	Kursus Pemantapan PPL Siri 7/2012	19-20 Nov 2012	93	
8	Kursus Pemantapan Khas PP-PPT	22-24 Okt 2012	35	Tambahan
9	Kursus Pemantapan Pemantapan Khas PPL-Federation of Holistic Therapists (FHT) United Kingdom (UK)	06-08 Nov 2012	48	Tambahan
Jumlah			544	



Kursus pemantapan PPL


Penilaian Pembaharuan PPL

Penilaian ini merupakan sebahagian daripada syarat pembaharuan lantikan PPL bertujuan memastikan personel yang dilantik mempunyai pengetahuan dan maklumat terkini mengenai JPK serta kefahaman yang seragam. Sebanyak 12 siri Penilaian Pembaharuan Lantikan telah dijalankan bagi jawatan PPL seperti di Jadual 37 dan Carta 11.

Jadual 37 : Statistik Penilaian Pembaharuan Lantikan PPL Tahun 2012

Bil.	Tarikh	Siri	Calon	Lulus	Gagal
1	29/3/2012	Penilaian Siri 1/2012	38	30	8
2	18/4/2012	Penilaian Siri 2/2012	34	28	6
3	16/5/2012	Penilaian Siri 3/2012	35	33	2
4	12/6/2012	Penilaian Siri A/2012	5	5	0
5	18/7/2012	Penilaian Siri 4/2012	54	45	9
6	14/8/2012	Penilaian Siri B/2012	3	3	0
7	12/9/2012	Penilaian Siri 5/2012	9	9	0
8	17/10/2012	Penilaian Siri 6/2012	9	9	0
9	19/10/2012	Penilaian Siri C/2012	1	1	0
10	19/11/2012	Penilaian Siri 7/2012	33	29	4
11	23/11/2012	Penilaian Siri D/2012	1	1	0
12	14/12/2012	Penilaian Siri E/2012	2	2	0
Jumlah		224	195	29	

Tujuh daripada penilaian telah dijalankan mengikut zon dan lima lagi adalah siri tambahan yang dijalankan di CIAST. Keputusan ujian penilaian adalah sah untuk dua tahun dari tarikh keputusan penilaian bagi tujuan pembaharuan tempoh lantikan. Personel yang gagal penilaian perlu menduduki semula penilaian atau Klinik SPKM.



Carta 11 : Keputusan Penilaian pada Setiap Siri Penilaian

PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Kalendar Latihan Kakitangan CIAST Tahun 2012

Kalendar latihan kakitangan CIAST telah diedarkan kepada semua kakitangan CIAST pada bulan Februari 2012. Kalendar latihan tersebut telah dipersetujui diperangkat Mesyuarat Jawatankuasa Latihan CIAST Bil. 1/2012. Kursus-kursus yang dicadangkan adalah berdasarkan permintaan/keperluan latihan dari kakitangan CIAST yang diperolehi dari Borang Analisa Keperluan Latihan (Training Needs Analysis – TNA) BK-S05-01 yang diedarkan pada Oktober 2011. Berikut adalah senarai latihan yang dicadangkan untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

Jadual 38 : Senarai Latihan yang Dicadangkan untuk Dilaksanakan Tahun 2012

Bil.	Kod	Nama Latihan	Jumlah	Jumlah Peserta	Bulan	Tempat
1	K01	Kaunseling dan Psikologi	3	25	Februari	CIAST
2	K02	Pengurusan Rahsia Rasmi Kerajaan	3	25	Februari	CIAST
3	K03	Prosedur Kewangan Siri 1	3	25	Mac	CIAST
4	K04	Team Building	3	25	April	LUAR CIAST
5	K05	Pengurusan Stress	3	25	Mei	LUAR CIAST
6	K06	Tatacara Pengurusan Perolehan	2	25	Jun	CIAST
7	K07	Kecemerlangan dan Motivasi	3	25	Julai	LUAR CIAST
8	K09	Bahasa Inggeris	5	25	September	CIAST
9	K10	Pengurusan dalam Prespektif Islam	3	25	September	CIAST
10	K11	Kesihatan dan Keselamatan	2	25	Oktober	CIAST
11	K12	Prosedur Kewangan Siri 2	3	25	November	CIAST

Pelaksanaan Latihan Sehingga Disember 2012

Jadual 39 di bawah menunjukkan senarai latihan yang telah diselaraskan oleh Unit Pembangunan Latihan Kakitangan (UPLK) CIAST sehingga Disember 2012. Daripada jadual tersebut, 10 latihan yang telah dijalankan adalah daripada kalendar latihan 2012 manakala 20 latihan adalah latihan tambahan yang dilaksanakan oleh UPLK menjadikan keseluruhan latihan berjumlah 30 latihan/kursus. Secara keseluruhan sejumlah 436 orang telah menghadiri latihan pembangunan kakitangan.

Jadual 39 : Senarai Keseluruhan Latihan yang telah Dijalankan Secara Dalaman dan Luaran.

Bil.	Kod	Nama Kursus	Jumlah Peserta	Tarikh
1	IH01	Kaunseling dan Psikologi	27	12 – 15 Mac 2012
2	IH02	Prosedur Kewangan Siri 1	24	26 – 28 Mac 2012
3	IH03	Pengurusan Rahsia Rasmi Kerajaan	26	2 – 4 April 2012
4	IH04	Team Building	10	12 – 14 Sept. 2012
5	IH05	Pengurusan Stress	20	30 – 31 Okt. 2012
6	IH06	Effective Presentation	0	ditangguhkan
7	IH07	Tatacara Pengurusan Perolehan	16	10 – 11 Julai 2012
8	IH08	Kecermelangan dan Motivasi	17	20 – 21 Nov. 2012
9	IH09	Bahasa Inggeris	19	4 – 6 Sept. 2012
10	IH10	Pengurusan dalam Prespektif Islam	43	7 – 8 Ogos 2012
11	IH11	Kesihatan dan Keselamatan	13	29 – 30 Nov. 2012
12	IH12	Prosedur Kewangan Siri 2	0	ditangguhkan
13	AD01	Seminar Trainers Meet Trainers	11	21 – 22 Feb. 2012
14	AD02	Pemasaran dan Komunikasi Berkesan bagi Pegawai Task Force Lawatan ke Industri (siri 1)	20	20 – 21 Mac 2012
15	AD03	Pemasaran dan Komunikasi Berkesan bagi Pegawai Task Force Lawatan ke Industri (siri 2)	27	29 – 30 Mac 2012
16	AD04	Kursus Lanskap Asas	3	6 – 8 Mac 2012
17	AD05	Pemasaran dan Komunikasi Berkesan bagi Pegawai Task Force Lawatan ke Industri (siri 3)	29	9 – 10 Mei 2012
18	AD06	TVET Conference 2012	5	24 – 25 April 2012
19	AD07	Pemasaran dan Komunikasi Berkesan bagi Pegawai Task Force Lawatan ke Industri (siri 4)	11	25 – 26 April 2012
20	AD08	Pemasaran dan Komunikasi Berkesan bagi Pegawai Task Force Lawatan ke Industri (siri 5)	32	9 – 10 Mei 2012
21	AD09	Kursus Enhancing Cross-Cultural Awareness”	23	23 - 25 Mei 2012
22	AD10	Kursus Mastering Success ‘What Can We Learn From The Great Leaders’	1	19 – 20 Jun 2012
24	AD12	Facilities Maintenance and Management Seminar 2012	2	22 Mei 2012
25	AD13	Kursus Pengurusan dan Klasifikasi Fail	18	4 Jun 2012
26	AD14	International Skills Conference 2012	3	9 – 10 Julai 2012
27	AD15	Seminar “Brain Smart Leader”	1	11 – 12 Sept.2012
28	AD16	Kursus “Influencing and Persuading : A Fundamental Skills of Leader”	1	7 Sept. 2012
29	AD17	Kursus Separuh Masa Janakuasa Voltan Rendah dengan Penyejerahan	2	13 Okt. – 25 Nov. 2012
30	AD18	Kursus Pengenalan Blue Ocean Strategy	2	22 – 24 Okt. 2012
31	AD19	World Forum WIF-KL 2012	5	5 – 7 Nov. 2012
32	AD20	Seminar on Innovative Advances in Mobile and Electronics Technology	2	1 Nov. 2012
Jumlah			436	

Statistik Kursus yang dihadiri oleh Kakitangan CIAST

Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil. 6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun bagi melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian. Sehingga bulan Disember 2012, jumlah kakitangan CIAST adalah seramai 246 orang dan laporan keseluruhan latihan pembangunan kakitangan CIAST adalah seperti Jadual 40.

Jadual 40 : Statistik Kehadiran Kursus Kakitangan CIAST Mengikut Program/Bahagian

Bil. Hari	Jumlah Kakitangan	KP	KK	PEM	PPK	PPL	SPD
> 40 Hari	12	0	1	2	5	1	3
36 -40 Hari	8	0	1	0	2	0	5
31 - 35 Hari	8	1	2	1	1	3	0
26 - 30 Hari	11	0	1	4	3	2	1
21 - 25 Hari	19	0	4	3	5	4	3
16 - 20 Hari	40	5	3	8	4	7	13
11 - 15 Hari	56	9	4	2	19	9	13
7 - 10 Hari	91	21	11	3	27	14	15
0 - 6 Hari	1	0	0	1	0	0	0
Jumlah	246	36	27	24	66	40	53


Kesimpulannya, objektif CIAST untuk memastikan setiap kakitangan berjaya memenuhi keperluan tujuh hari latihan setahun adalah tercapai dengan 245 orang (99.5%) dari jumlah keseluruhan 246 kakitangan CIAST telah berjaya menghadiri tujuh hari berkursus sepanjang tahun 2012. Seorang kakitangan tidak mencapai tujuh hari berkursus disebabkan kerana beliau mengambil cuti separuh gaji.

Jadual 41 : Pecahan Kehadiran Latihan Kakitangan Mengikut Kategori Tahun 2012

Jenis Latihan	Kod	BKP	KK	PEM	PPK	PPL	SPD	Jumlah
Kursus kemahiran teknikal	KKT	1	5	26	45	20	3	100
Kursus pengurusan dan pentadbiran	KPP	38	8	12	11	18	3	90
Kursus berkaitan perkhidmatan	KBP	3	0	1	3	2	2	11
Kursus umum dan motivasi	KUM	96	59	29	64	72	114	434
Kursus ICT	KICT	13	5	57	30	7	12	124
Kursus luar negara	KLN	3	3	4	14	4	8	36
Seminar/forum/taklimat/ceramah	SF	33	39	41	25	31	60	229
Bengkel	B	19	22	2	38	34	62	177
Jumlah		206	141	172	230	188	264	1201

Analisa TNA Kakitangan CIAST Bagi Tahun 2012

UPLK telah membuat analisa tentang keperluan latihan kakitangan CIAST tahun 2012 dengan mengedarkan borang TNA BK-S05-01 pada bulan Oktober 2011. Maklum balas yang dikumpulkan pada Disember 2011, berikut merupakan hasil analisa yang diperolehi (Carta 12).



Carta 12 : Jumlah Permohonan Latihan Mengikut Program/Bahagian


Jadual 42 : Pecahan Permohonan Latihan Mengikut Bidang

Bil.	Bidang	Jumlah Permintaan	%
1	ICT	116	15.36
2	Mekanikal & Sivil	96	12.72
3	Elektrik & Elektronik	49	6.49
4	Kewangan	62	8.21
5	Pengurusan & Pentadbiran	224	29.67
6	Bahasa	29	3.84
7	Motivasi	67	8.87
8	SKM/VTO/VTE/VTM/LG/DACUM/pedagogi/lain-lain	112	14.83
Jumlah		755	100


Jadual 43 : Senarai Permohonan Tertinggi untuk Latihan Kakitangan 2012 Mengikut TNA

Bil	PERMINTAAN TERTINGGI KURSUS	JUMLAH PERMINTAAN	%
1	Pengurusan Kewangan / Prosedur Kewangan	33	10%
2	Bahasa Inggeris	27	8%
3	Bebas Stress / Pengurusan Stress	24	7%
4	Pengurusan Masa	21	7%
5	Training Need Analisis (Tna)	12	4%
6	Komunikasi Berkesan	11	3%
7	Pengurusan Pencen	11	3%
8	Tatacara Pengurusan Perolehan	11	3%
9	Pengurusan Aset Alih Dan Stor	11	3%
10	Motivasi	10	3%
11	Adobe Photoshop	10	3%
12	Penulisan Surat Rasmi dan Memo	9	3%

Bil	PERMINTAAN TERTINGGI KURSUS	JUMLAH PERMINTAAN	%
13	Pengurusan Stor	8	2%
14	Psikologi & Kaunseling	8	2%
15	Pengurusan Fail dan Rekod	8	2%
16	Safety and Health	7	2%
17	PIC Microcontroller	7	2%
18	Kaunseling	7	2%
19	Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi	6	2%
20	Adobe Illustrator	6	2%



Carta 13 : Prestasi dan Penilaian Keberkesanan Latihan Dalaman yang telah Dijalankan



Carta 14 : Status Penghantaran Borang Penilaian Keberkesanan Latihan (BK-S05-02)

Kursus dan Program Kakitangan CIAST Ke Luar Negara

Pada tahun 2012, sebanyak 12 kursus dan program telah dihadiri oleh 36 kakitangan CIAST (Jadual 44).

Jadual 44: Kursus Serta Program Kakitangan CIAST Ke Luar Negara Pada Tahun 2012.

Bil	Kursus	Negara	Tarikh	Peserta	Gred	Program
1	2012 APEC Advance Traning for Vocational Instructors	Korea	23 April – 11 Mei 2012	Suzaini bin Sapigat Mohd Zulaffandi bin Abdullah	J42 J38	PPK
2	ToT Program on Costume Designing and Processing	China	14 – 25 Mei 2012	Roslin bt. Mohd. Basri	J48	PPK
3	Economic Partnership Program(EPP)- Vocational Traning Program/Technical Attachment (IT/ System Engineering)	Jepun	28 Okt. – 29 Nov. 2012	Iskandar bin Kamarudin Norakma bt. Nawawi	J48 J42	PEM PPK
4	2012 International Training Course on CNC Technology	China	10 – 24 Sept.. 2012	Helmi bin Abdul Hamid Norzaid bin Nordin	J44 J38	PPK
5	Workshop on Skills Evaluation Method FY 2012	Jepun	26 Ogos –7 Sept.. 2012	Sudirman bin Suratin Ariffin bin Mohamed	J48 J41	PPK
6	Technology Hybrid	Jerman	15 Sept. – 14 Okt. 2012	Ahmad Mabsudi bin Alpiah Pauzi bin Che Deraman Hairul Shah bin Mohd Sahli	J48 J38 J44	PPK
7	Skill Assessor Traning on Information Network Cabling 2012	Jepun	23 Sept. – 04 Okt. 2012	Shurhawati bt. A.Rahim	J41	PPK

Bil	Kursus	Negara	Tarikh	Peserta	Gred	Program
8	Economic Partnership Program EPP-Vocational Leadership Training Program	Jepun	1 Nov. –8 Dis. 2012	Hafiz bin Saad Ismail bin Idris Noorajla bin Abdul Jalil Norhayati bt. Yahya Amir bin Mohamed Nuzul Ridzuan bin Padzil Ramzi bin Dol@ Abdul Wahid Mahani bt. Mokhtar Mohd Ozahir bin Mat Palal Ku Azmie bin Ku Husin Rodzidah bt. Mohd Rodzi Khairul Anuar bin Mahmood Talib Hanira bt. Razali	J48 J48 J48 J48 J44 J42 J42 J44 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42 J42	SPD SPD SPD SPD PPK PPK PPL PPL BKP PEM KK KK
9	Program Penandaaranan ke ASEAN Skills Competition (ASC)	Indonesia	11 Nov. – 20 Nov. 2012	Mad Yasir bin Mastakim Muhammad Ezzas bin Abu Bakar Mohamad Asrofi bin Muslim Muhammad Nooradzam bin Adam Zamri bin Nawi	M54 J48 J48 J44 J38	BKP SPD KK PPL
10	Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2012	Indonesia	13 Nov. – 20 Nov. 2012	Mohd Riza bin Ismail Wan Ahmad Jailani bin Wan Ngah Mohd Ropi bin Abdullah	J48 J48 J42	SPD PEM PEM
11	EPP for Vocational Training Program on IT/ System Engineering	Jepun	14 Feb. – 15 Mac 2012	Zaimah bt. Mu	J44	SPD
12	Singapore International TVET Conference 2012	Singapura	6 - 9 Nov. 2012	Ghazlan bin Ghazali	JUSA C	BKP

MAJLIS KONVOKESYEN CIAST

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2012 telah diadakan pada 11 November 2012 di Auditorium D8, Blok D8, Kompleks D, Putrajaya. Majlis ini diadakan untuk meraikan graduan CIAST tahun 2011 dan 2012. Seramai 659 orang graduan telah menerima diploma dan sijil masing-masing seperti Jadual 45. Ini juga merupakan julung-julung kalinya graduan kursus SKM3+VTO menerima sijil di majlis ini.

Jadual 45 : Statistik Graduan Mengikut Kursus Tahun 2012

Kursus	Sijil Diperolehi	Sesi Kemasukan	Jumlah Graduan
DLPV	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	2/2008, 1/2009, 2/2010 & 4/2012	37
DPV	Diploma Pengajar Vokasional	1/2007 & 2/2007	6
SKM3 + VTO	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dan Sijil Pengajar Vokasional	4/2009, 2/2010 & 4/2010	45
VTO	Sijil Pengajar Vokasional	4/2010, 1/2011, 2/2011, 3/2011 & 4/2011	571
Jumlah			659

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2012 ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Maznah bt. Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia untuk sidang pertama manakala sidang kedua pula disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK.

Jadual 46 : Anugerah Graduan Terbaik

Kursus	Nama	Bidang	Sesi
DLPV	Mohd. Khairul Asmawi bin Mohd. Suhaimi	Teknologi Jaminan Mutu	2/2010
	Abdullah Asraf bin Ab. Majid	Teknologi Automotif	4/2010
SKM3+VTO	Mohamad Firdzaus bin Mohd. Sani	Teknologi Pengeluaran	4/2009
	Nurul Aini bt. Imanah	Teknologi Elektronik	2/2010
VTO	Azuan bin Harun	Teknologi Automotif	4/2010
	Daniel Ding		4/2010
	Mohd. Razif bin Abdul Razak		2/2011
	Mohd. Azman bin Tamsir		3/2011
	Siti Marzirah bt. Mat Arid		4/2011



Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia dan YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, KP JPK menyampaikan sijil kepada graduan



Para graduan CIAST

KAMPUS SATELIT CIAST

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Projek Pembinaan CIAST Tanjung Malim, Perak telah diluluskan cadangan pembinaannya selaras dengan inisiatif kerajaan untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran negara. Walaubagaimanapun, projek tersebut telah digantikan dengan Projek *Blue Ocean Strategy* (BOS) Kampus Satelit CIAST. Objektif utama penubuhan Kampus Satelit CIAST adalah bagi mencapai sasaran unjuran tenaga pengajar kemahiran yang diperlukan sehingga tahun 2020 termasuk di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, juga objektif penubuhannya adalah bagi memenuhi permintaan tenaga pengajar mahir oleh sektor awam dan swasta negara melalui program latihan terpilih dan teknik pengajaran yang berkesan dan memberi tumpuan kepada melatih tenaga pengajar baru selaras dengan keperluan di dalam Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (NASDA) 2006 bagi memenuhi inisiatif kerajaan di dalam RMKe-10 untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran negara.



Bilik Kuliah dan bilik seminar Kampus Satelit di ILP Marang

Projek Kampus Satelit CIAST melibatkan 11 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia, pihak swasta dan beberapa agensi kerajaan lain. CIAST Shah Alam akan bertindak sebagai kampus induk dan akan bertanggungjawab sebagai penyelaras kepada semua kampus satelit di dalam aspek pelaksanaan program termasuk pengambilan

pelajar, pemantauan dan pengauditan operasi dan kualiti serta tenaga pengajar. Kampus satelit ini akan menggunakan kemudahan sedia ada di institusi tersebut seperti ruang kerja kakitangan, bilik kuliah, bengkel latihan, asrama, perpustakaan, dewan makan, makmal komputer serta kemudahan-kemudahan kampus lain tanpa mengganggu kursus-kursus latihan sedia ada di institusi berkenaan.

Kampus Satelit CIAST akan memfokuskan kepada latihan tenaga pengajar baharu melalui program *Vocational Training Officer* (VTO). Selain daripada itu, program *Vocational Training Executive* (VTE), *Vocational Training Manager* (VTM) dan kursus-kursus modular akan turut ditawarkan. Kapasiti latihan bagi setiap kampus satelit dijangka mampu menampung sehingga 75 orang pelajar pada satu-satu masa.

Sepanjang tahun 2012, lima buah ILJTM telah dipilih iaitu:

- i. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Advance Technology Training Centre - ADTEC) Taiping,
- ii. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Marang,
- iii. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selandar,
- iv. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan dan
- v. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Advance Technology Training Centre - ADTEC) Bintulu

Kesemua ILJTM ini telah mula dinaiktaraf dan diubahsuai bagi memenuhi keperluan Kampus Satelit CIAST. Dua daripadanya, iaitu di ADTEC Taiping dan ILP Marang telah siap dinaik taraf dan dijangka boleh memulakan operasi pengambilan pelajar pada tahun 2013. Kerja-kerja naik taraf di ILP Selandar, ILP Sandakan dan ADTEC Bintulu dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir Februari 2013 manakala proses pembekalan peralatan bagi ketiga-tiga kampus satelit tersebut akan dimulakan pada Januari 2013.



Bilik Ketua Penyelaras, bilik seminar dan makmal Kampus Satelit di ADTEC Taiping

PENGURNIAAN PINGAT KEBESARAN DAN ANUGERAH KEPADA KAKITANGAN CIAST



En. Zulkifli bin Mohd. Sidi bergambar kenangan semasa penganugerahan pingat AMN

Pengurniaan Pingat Kebesaran

Tahniah diucapkan kepada dua orang kakitangan CIAST yang telah menerima pingat kebesaran dari Yang Dipertuan Agong sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda pada 2 Jun 2012 dan seorang menerima pingat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-66 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Tahun 2011 yang telah disambut pada 11 Disember 2011. Pengurniaan ini merupakan satu pengiktirafan di atas jasa dan khidmat bakti kepada perkhidmatan awam dan negara. Semoga mereka sentiasa meneruskan kecemerlangan perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Senarai penerima pingat adalah seperti berikut.

Pingat Ahli Mangku Negara (AMN)

En. Zulkifli bin Mohd. Sidi, Pegawai Latihan Vokasional Gred J48. Istiadat pengurniaan telah diadakan di Istana Negara pada 21 November 2012

Pingat Pangkuan Negara (PPN)

Pn. Asiah bt. Sulaiman, Penolong Pegawai Tadbir Gred N27. Istiadat pengurniaan telah diadakan di Istana Negara pada 11 Disember 2012.

Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

Tn. Hj. Tukimin bin Solehan, Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J38. Istiadat pengurniaan telah diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 21 Mei 2012.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Setinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada kakitangan CIAST yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011. Keazaman, kesungguhan dan ketabahan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab perlu diterapkan bagi meneruskan kecemerlangan perkhidmatan awam. Senarai nama Penerima APC Tahun 2011 adalah seperti Jadual 47.

Jadual 47 : Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011

Bil.	Nama	Gred Jawatan
1.	Dr. Ir. Azmi bin Ahmad	PLV J52
2.	Norhayati bt. Yahaya	PLV J48
3.	Yaakub bin Saad	PLV J48
4.	Saiful Amir bin Omar	PLV J48
5.	Iskandar bin Kamarudin	PLV J48
6.	Norhayati bt. Ishak	PLV J48
7.	Ganesan a/l Murugesu	PLV J44
8.	Farehan bt. Ismail	PLV J44
9.	Mad Zufri bin Ismail	PLV J44
10.	Ahmad Rosdan bin Muhammad Ishak	PLV J44
11.	Shadni Wardiah bt. Shaharir @ Saharir	PTM F41
12.	Saluwa bt. Masdar	PPLV J38
13.	Mohd Zulaffandi bin Abdullah	PPLV J38
14.	Norazuri bt. Yusoff	PPLV J38
15.	Zahrin bin Abdul Latiff	PPLV J36
16.	Radazuan bin Shamsudin	KPT N22
17.	Ahmad Khariri Al-Hadi bin Md. Yusop	PA N17
18.	Zainuddin bin Zubir	PJE R17
19.	A. Rahim bin Sori	Pemandu R3

Penghargaan Perkhidmatan Melebihi 25 Tahun

Penghargaan telah diberikan kepada kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun dengan kerajaan sempena Perhimpunan Perdana JPK pada 24 April 2012. Senarai nama penerima adalah seperti Jadual 48.

Jadual 48 : Penerima Penghargaan Perkhidmatan Melebihi 25 tahun

Bil.	Nama	Gred Jawatan	Tarikh Lantikan
1.	Norsiah bt. Mohd Saidi	PT(K) W22	19.06.1976
2.	Asiah bt. Sulaiman	PPT N27	02.12.1976
3.	Mohd Salleh bin Ismail Effendi	PPT N27	16.06.1976
4.	Mad Yasir bin Mastakim	PTD M54	02.05.1979
5.	Maziah bt. Mohamed	PPT N36	23.05.1981
6.	Azizah bt. Ab. Hamid	PPLV J38	26.05.1981
7.	Norhayati bt. Hj. Othman	PT(P/O) N17	04.11.1982
8.	Hajar bt. Hassan	PT(P/O) N17	15.02.1983
9.	Kasmalaila bt. Mohd Salleh	S. Pej. N28	01.07.1983
10.	Radazuan bin Shamsudin	PT(P/O) N22	01.07.1983
11.	Tukimin bin Solehan	PPLV J38	29.11.1983
12.	Nor Ain bt. Ahmad	PLV J41	27.12.1983
13.	Rahmat bin Umar	PRA R4	25.02.1985
14.	Ghafar bin Senin	PRA R4	01.03.1985
15.	Ibrahim bin Jamaluddin	PPLV J29	13.08.1985
16.	Ghazlan bin Ghazali	PLV JUSA C	17.08.1985
17.	Ahmad bin Abdullah	PPLV J38	05.11.1985
18.	Rogayah bt. Supian	PLV J42	05.11.1985
19.	Shahabudin bin Md Nor	PPLV J38	05.11.1985
20.	Nazari bin Shamsudin	PAP N4	01.07.1986
21.	Azhar bin Abidin	PLV J44	11.11.1986
22.	Mohd. Bukhori b. Ahmad	PPLV J38	11.11.1986
23.	Nor Azman bin Ahmad	PPLV J38	11.11.1986
24.	Roslinda bt. Daud	PLV J48	11.11.1986
25.	Sayed Salim bin Sayed Mohd Nor	PLV J48	11.11.1986
26.	Sha'rani bin Taib	PLV J48	11.11.1986
27.	Yaakub bin Saad	PLV J48	11.11.1986
28.	Zaharlim bin Zakaria	PPLV J38	11.11.1986
29.	Zulkifli bin Mohd. Sidi	PLV J48	11.11.1986
30.	Mohd. Zaini bin Mat Wazir	PLV J42	02.01.1987

KEJAYAAN CIAST



Anugerah Silver Award 23rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2012

CIAST telah menghantar dua kumpulan dengan dua reka cipta menyertai Pertandingan ITEX yang diadakan pada 17 hingga 19 Mei 2012 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Tajuk reka cipta tersebut ialah *Platinum Smart Alert System* dan *Back Up and Saving Energy Using Solar System*. Berikut ialah maklumat reka cipta tersebut.

Nama projek : *Platinum Smart Alert System*

Anugerah : Pingat Perak

Ahli kumpulan :-

- i. Yaakob bin Saad
- ii. Azmanaruzee bin Abdullah
- iii. Mohd Zulaffandi bin Abdullah
- iv. Ahmad Mashudi bin Alpiah
- v. Nik Fadley Osman bin Nik Ahmad



Gambar 2 : *Platinum Smart Alert System*

Ringkasan projek :

Sebarang kerosakan pada sistem atau peralatan kebiasaannya kita ketahuinya setelah berada di tempat berlakunya kerosakan. Sekiranya sistem atau peralatan tersebut berada ditempat lain kita tidak mengetahui kerosakannya. Dengan adanya *Platinum Smart Alert System* kita dapat mengesan sebarang kerosakan berlaku pada sistem walaupun berada jarak beribu batu. Sistem ini menggunakan rangkaian seperti CELCOM, MAXIS dan lain – lain.

Salah satu tempat efektif sistem ini dipasang adalah pada rumah pam. Alat ini boleh mengesan kerosakan pam, paip bocor, bekalan rumah pam terputus, air dalam tangki habis dan lain – lain. Sekiranya kerosakan dikesan, *Platinum Smart Alert System Alarm* akan berbunyi dan alat ini akan menghantar sms dan panggilan suara kepada juru teknik yang bertugas. SMS tersebut akan memaparkan jenis kerosakan yang terjadi. Dengan itu kerosakan berkenaan dapat dibaiki dengan cepat dan tepat, masa, tenaga dan kos dapat dijimatkan. Sebelum ini kerosakan yang berlaku pada rumah pam hanya disedari setelah bekalan air habis. Ini akan menimbulkan masalah kepada pengguna. Alat ini boleh beroperasi pada sistem yang menggunakan bekalan kuasa 415 VAC, 240 VAC, 24 VDC, 12 VDC, 5 VDC.

Nama Projek : *Back Up and Saving Energy Using Solar System*

Anugerah : Pingat Perak

Ahli kumpulan :-

- i. Mohd. Zulaffandi bin Abdullah
- ii. Mohd. Ozahir bin Mat Palal
- iii. Mohamed Lotfi bin Arifin
- iv. Nazrim bin Tan
- v. Noor Azita bt. Bakar
- vi. Mohd. Zaini bin Mat Wazir
- vii. Ariffin bin Mohamad
- viii. Suzaini bin Supingat



Gambar 3 : *Back Up and Saving Energy using Solar System*

frekuensi 50 Hz. Alat ini boleh komesilkan untuk kegunaan domestik dan industri kerana belum wujud lagi sistem sebegini.

Ringkasan projek :


Sumber cahaya matahari adalah tenaga percuma yang dikurniakan. Tenaga ini harus dimanfaat untuk mendatangkan faedah kepada manusia. Selain itu, tenaga yang percuma ini digunakan untuk menyelesaikan masalah terputus bekalan elektrik. Berdasarkan keadaan ini, *Back Up and Saving Energy Using Solar System* dicipta. Alat ini mempunyai dua kelebihan utama, iaitu pertama sebagai sistem sokongan bekalan kuasa. Sekiranya berlaku terputus bekalan elektrik, alat ini akan berfungsi secara automatik di mana bekalan daripada bateri digunakan. Apabila bekalan utama pulih, alat ini akan menukar kembali secara automatik kepada bekalan utama. Kelebihan keduanya ialah pengguna dapat menjimatkan bil elektrik. Apa yang perlu dilakukan pengguna hanyalah matikan suis utama bekalan dari penyedia bekalan tempatan dan secara automatik alat ini akan membekalkan tenaga elektrik sepenuhnya kepada pengguna. Alat ini paling efektif digunakan untuk sistem pencahayaan. Bagi memaksimalkan penggunaan dan penjimatkan kos pengiraan beban, panel solar, inverter dan litar kawalan mestilah tepat. Alat ini hanya beroperasi pada voltan kadar 240 VAC dan

Penyertaan Kumpulan NURMINDA CIAST dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) Peringkat Negeri Selangor Ke-25

Kumpulan KIK NURMINDA telah mewakili CIAST menyertai Konvensyen KIK Ke-25 Peringkat Negeri Selangor pada 10 hingga 11 Julai 2012 yang berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor. Kumpulan KIK NURMINDA menyertai kategori teknikal di mana sebanyak 18 kumpulan dari pelbagai jabatan kerajaan telah menyertainya.

Dalam konvensyen KIK ini, kumpulan NURMINDA telah mempersembahkan tajuk projek iaitu, Pencahayaan Pada Ruang Bengkel Latihan VTO Tidak Mencukupi. Kumpulan NURMINDA telah membuat penyelesaian dengan wujudnya kaedah pencahayaan menggunakan tiub solar.

Projek ini juga terhasil untuk mengurangkan penggunaan kuasa elektrik terutamanya pada waktu siang. Jika hari itu cuacanya cerah dengan sinar matahari maka bengkel latihan VTO tidak perlu menggunakan lampu elektrik memadai dengan menggunakan cahaya dari tiub solar.



Gambar 4 : Bangunan bengkel latihan VTO



Gambar 5 : Prototype Tiub Solar



Juri hakim mendengar penerangan daripada ahli kumpulan



Ahli kumpulan memperkenalkan diri

Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)

CIAST melangkah setapak lagi ke hadapan apabila berjaya menempatkan diri sebaris dengan lain-lain organisasi di Malaysia yang telah menerima pengiktirafan Amalan Pesekitaran Berkualiti (5S) daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC). Kejayaan ini telah dimaklumkan oleh wakil MPC pada mesyuarat penutup lawatan audit akhir 5S pada 15 Disember 2012.

Dalam satu majlis pada 11 Januari 2013 CIAST secara rasminya telah menerima Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang telah disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Fadzil bin Mahmud, Timbalan Pengarah 1, MPC kepada YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK.

Setinggi tahniah diucapkan kepada semua warga CIAST yang telah menyumbang kepada kejayaan ini. Semoga amalan 5S akan terus berkekalan serta sentiasa menjadi budaya kerja di CIAST.



The Organisation agrees to maintain its Quality Environment Management System and use the Approved Certificate in accordance with the Standard Requirements

Gambar 6 : Sijil amalan persekitaran berkualiti (5S)

Persijilan MS ISO 9001 : 2008

CIAST telah dipersijilkan semula dengan Persijilan MS ISO9001:2008 oleh Badan Persijilan ISO, iaitu *Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)*, Malaysia. Nombor Kelulusan Persijilan MS ISO9001 : 2008 CIAST ialah KLR 6004728 dan tarikh tamat persijilan adalah pada 14 Februari 2015.

Penggunaan logo MS ISO9001:2008 dibenarkan oleh pihak badan persijilan di dalam setiap urusan latihan dan pengurusan.

Team QMT CIAST juga telah mengemaskini dan menyediakan beberapa maklumat seperti Piagam Pelanggan dan Dasar Kualiti/Objektif Kualiti bagi paparan pelanggan dan pelawat di seluruh Unit dan Bahagian di CIAST.



Logo UKAS
(United Kingdom Accreditation Services)



Logo Malaysian Standard (MS)

KAJIAN



KAJIAN PENGGIATAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

“Sejauh mana penerimaan pekerja lulusan SLDN di alam pekerjaan dari aspek kebolehkerjaan dan kebolehpasaran”

Pihak JPK telah melantik empat kumpulan bagi mengangotai *Task Force* Kajian Penggiatan SLDN yang perlu dijalankan secara dalaman sepanjang dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi memastikan keberkesanannya. Kumpulan yang diketuai oleh Dr. Ir. Azmi bin Ahmad dikehendaki mengkaji sejauh mana penerimaan pekerja lulusan SLDN di alam pekerjaan dari aspek kebolehkerjaan dan kebolehpasaran. Kajian ini menggunakan kaedah campuran *metode*, iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan penggunaan *semi-structured interviews* dan perbincangan kumpulan berfokus (Focus Group Discussion - FGD). Penganalisaan kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Tahap kebolehkerjaan dan kebolehpasaran dinilai berdasarkan penilaian persepsi majikan dan juga pekerja lulusan SLDN dan disokong dengan data kualitatif yang diperolehi menerusi temuduga dan perbincangan kumpulan berfokus.

Hasil penilaian secara keseluruhannya menunjukkan majikan dan pekerja mempunyai persepsi yang positif terhadap kebolehkerjaan dan kebolehpasaran pekerja lulusan SLDN di alam pekerjaan. Analisa regresi menunjukkan bahawa 73 % faktor-faktor yang dikaji di dalam kebolehkerjaan (seperti sikap, kemahiran teknikal, kemahiran sosial dan pengetahuan kerja) memberi pengaruh terhadap kebolehpasaran (produktiviti kerja dan penerimaan program) pekerja lulusan SLDN, dari perspektif majikan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor kemahiran sosial adalah penyumbang utama dalam meningkatkan kebolehpasaran pekerja lulusan SLDN.



Semi-structured interviews yang dilaksanakan oleh kumpulan

LAWATAN PENANDAARASAN



Lawatan Penandaarasan Ke Jakarta Sempena Asean Skills Competition (ASC)

Program penandaarasan CIAST ke ASC telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KSM pada 15 Oktober 2012. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membuat pemantauan dari segi persiapan, semasa dan selepas pertandingan yang meliputi pemantauan berkenaan majlis pembukaan, majlis penutup, lawatan, kemudahan, keselesaan kepada peserta, pegawai pengiring, jurulatih, pengunjung serta lain-lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai pengatur pertandingan.

Pegawai-pegawai yang menyertai program ini ialah:-

- (a) Tn Hj. Mad Yasir bin Mastakim - Ketua
- (b) En. Mohamad Asrofi bin Muslim
- (c) En. Muhammad Ezzas bin Abu Bakar
- (d) En. Muhammad Nooradzam bin Adam
- (e) En. Zamri bin Nawi

Secara umumnya, objektif program penandaarasan ini telah tercapai. Para pegawai telah didedahkan dengan sistem pengadilan, penganjuran pertandingan, majlis perasmian, lawatan dan segala yang berkaitan dengan penganjuran pertandingan di peringkat ASEAN. Lawatan ini juga dapat memotivasi para pegawai dalam memberikan idea baru dan inovasi dalam penganjuran sesebuah pertandingan kemahiran.

Lawatan Penandaarasan 5S

Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat siri lawatan penandaarasan 5S telah dibuat (Jadual 49). Organisasi yang dilawati ialah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Sungai Buloh, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) Putrajaya yang merupakan organisasi yang telah diiktiraf oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC) sebagai organisasi yang mengamalkan amalan persekitaran berkualiti (5S). Hasil pendedahan melalui lawatan ini telah memberikan pelbagai idea dalam pelaksanaan amalan 5S di CIAST.



Lawatan ke PERHEBAT, Sungai Buloh



Lawatan ke JPN, Putrajaya

Jadual 49 : Maklumat Lawatan Penandaarasan

Tarikh	Organisasi	Bilangan Peserta
1 Februari 2012	PERHEBAT	21
24 April 2012	JPN	7
13 Julai 2012	UPM	9
18 Disember 2012	JTM	12

Lawatan Penandarasan “Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)”, CIAST (MS ISO9001:2008)

Lawatan ‘benchmarking’ SPK, CIAST merupakan hasil cadangan pihak pengurusan CIAST kepada pasukan *Quality Management Team* (QMT) bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan terhadap proses dan aktiviti latihan CIAST. Objektif lawatan adalah untuk mengenalpasti kaedah dan pendekatan yang terbaik digunakan bagi menyelaras dokumentasi ISO dan mengenalpasti dokumen yang jelas dan ringkas bagi kemudahan pengguna dokumen. Di samping itu, lawatan ini turut mendedahkan ahli-ahli pasukan QMT, CIAST dengan proses-proses MS ISO9001:2008 yang diamalkan oleh agensi tersebut.

Tiga lawatan penandaarasan telah dilaksanakan seperti berikut.



- Tarikh: 12 September 2012 (Rabu)**

Pusat Jaminan Mutu
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor



- Tarikh: 02 Oktober 2012 (Selasa)**

Office of Corporate Strategy & Quality Assurance
Central Complex
International Islamic University Malaysia (IIUM)
Kuala Lumpur.

- Tarikh: 12 Oktober 2012 (Jumaat)**

Pusat Pengurusan & Penambahbaikan Kualiti (QMEC)
Canselor, Universiti Malaya (UM)
Kuala Lumpur

Hasil dari lawatan, beberapa penambahbaikan telah dikenalpasti bagi memantapkan proses dokumentasi, menyediakan ‘User Own Process’, menjumudkan proses-proses tidak berkaitan dan mengemaskini serta menyediakan ICT sebagai medium mudah capaian dokumen oleh kakitangan. Bengkel semakan dokumentasi MS ISO9001:2008 CIAST juga telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada awal tahun 2013 dan ianya berkonsepkan lebih ringkas dan mudah.

LAWATAN RASMI



Pelaksanaan *Fact Finding Mission for Third Country Training Programme (TCTP) 2013 – 2015 on Capacity Development of Tvet for Cambodia, Laos and Myanmar*

Selepas pelaksanaan TCTP 2010 – 2012 untuk negara Cambodia, CIAST sekali lagi diberi kepercayaan untuk meneruskan program TCTP bagi tahun 2013 – 2015. Selain dari peserta Cambodia, JICA Malaysia dan Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui program MTCP telah mempertimbangkan tambahan dua negara peserta, iaitu Laos dan Myanmar. Bagi tujuan tersebut, JICA Malaysia telah menganjurkan lawatan *Fact Finding Mission on Capacity Development for TVET* bermula dengan misi lawatan ke Myanmar pada 2 hingga 8 Disember 2012, Laos pada 8 hingga 13 Disember 2012 dan Cambodia pada 13 hingga 20 Disember 2012.

Delegasi ini telah diketuai oleh Tn. Hj. Jamil bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST dan disertai oleh dua pegawai CIAST, seorang pegawai *Construction Industry Development Board (CIDB)* dan seorang pegawai JICA Malaysia. Pegawai KLN juga turut serta semasa lawatan ke Cambodia. Memandangkan sektor binaan merupakan bidang kritikal dalam pembangunan negara tersebut, CIAST akan menjalankan kerjasama dengan CIDB bagi menawarkan kursus dalam bidang binaan.



Lawatan di salah satu Institusi latihan kemahiran di Myanmar



Kunjungan hormat ke Kedutaan Malaysia
di Laos



Lawatan singkat ke Asian Development Bank (ADB) di
Cambodia

Misi ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan dan keadaaan semasa negara peserta sekaligus membantu meningkatkan tahap latihan kemahiran di negara mereka. Melalui misi ini, pemerhatian dalam isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara peserta dapat diketahui dan secara tidak langsung perhubungan baik di antara negara dapat dijalin dan diperkuatkan sebelum pelaksanaan program. Matlamat misi juga dianggap berjaya kerana maklum balas positif yang diterima daripada ketiga-tiga negara terhadap idea pelaksanaan TCTP dalam bidang teknikal dan latihan pedagogi.


Lawatan Monitoring and Evaluation (M & E) Mission for Third Country Training Programme (TCTP) 2012 on Capacity Development of Tvet for Cambodia

Lawatan *M & E Mission* pada 2 hingga 15 Disember 2012 ke Cambodia merupakan lawatan penilaian akhir terhadap peserta kursus TCTP 2012 di mana ia termasuk dalam rangka keseluruhan program latihan tersebut. Lawatan ini meliputi 12 pusat latihan kemahiran di bawah *Ministry of Labour and Vocational Training, Cambodia*. Program latihan TCTP 2012 telah dihadiri oleh seramai 20 peserta, iaitu 10 peserta bagi bidang elektrik manakala 10 peserta lagi bagi bidang automotif. Lokasi lawatan penilaian adalah di wilayah Phnom Penh, Kandal, Kampot, Siem Reap dan Battambang di Cambodia.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk membuat penilaian dari segi pelaksanaan metodologi pengajaran dan pembelajaran termasuk penyedian bahan pengajaran dan alat bantuan pengajaran. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan meninjau perkembangan terhadap peserta yang telah menjalani program latihan yang sama pada tahun 2011. Di samping itu, satu bengkel *Post-Mortem Evaluation* juga dilaksanakan bersama-sama dengan peserta TCTP 2012 untuk berkongsi penemuan dan hasil dari lawatan penilaian di *JICA Cambodia Office, Cambodia* pada 13 Disember 2012.

Delegasi ini diketuai oleh KPP Unit Latihan Antarabangsa dan disertai oleh tiga pegawai CIAST yang mewakili bidang pedagogi, elektrik dan automotif. Hasil dari lawatan penilaian ini, keseluruhan peserta telah menunjukkan peningkatan dari segi mutu penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran serta tahap keyakinan yang meningkat semasa mengendalikan sesi latihan. Ini menunjukkan bahawa program TCTP yang telah dilaksanakan adalah berkesan.

Delegasi juga telah mengadakan sesi pembentangan hasil lawatan ini di *JICA Office Cambodia, Ministry of Labour and Vocational Training (MLVT)* dan juga *Council Development Cambodia (CDC)* pada 13 dan 14 Disember 2012. Majlis penganugerahan sijil tamat latihan TCTP 2012 telah diadakan pada 14 Disember 2012 bertempat di Hotel Sunway, Cambodia dan turut dihadiri oleh Tuan Pengarah CIAST.



Sesi pembentangan hasil lawatan di Ministry of Labour and Vocational Training, Cambodia.



Tuan Pengarah CIAST semasa sesi penyampaian sijil tamat latihan TCTP 2012 di Hotel Sunway, Phnom Penh.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



Laporan Perjawatan

CIAST kini telah mempunyai seramai 254 kakitangan berbanding 285 waran perjawatan yang telah diujudkan, iaitu 89 % pengisian telah dilaksanakan.

Pecahan perjawatan mengikut waran terkini adalah seperti Jadual 50.

Jadual 50 : Kedudukan Waran Perjawatan CIAST Pada 31 Disember 2012

Bil	Kod Waran	Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
				Lulus	Isi	Kosong
1	882(a)	Pegawai Latihan Vokasional	Utama C	1	1	0
2	882(b)	Pegawai Latihan Vokasional	J54	2	2	0
3	882(d)	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	1	1	0
4	882(c)	Pegawai Latihan Vokasional	J51/52	5	5	0
5	882(e)	Pegawai Teknologi Maklumat	F48	1	1	0
6	710, 883	Pegawai Latihan Vokasional	J47/48	60	55	5
7	883(a)	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	1	0
8	919(a)	Pegawai Latihan Vokasional	J41/42/J43/44	78	75	3
9	884(b)	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	4	4	0
10	819(a)	Pen. Pegawai Latihan Vokasional	J29/30/J35/36/J37/38	73	54	19
11	887(a)	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1	0
12	887(b)	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
13	889(a)	Penolong Pegawai Tadbir	N27/32	2	2	0
14	717	Juruteknik	J22	1	0	1
15	891(a)	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
16	718	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0

Bil	Kod Waran	Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
				Lulus	Isi	Kosong
19	903(a)	Juruteknik	J17/22	8	8	0
20	845(c)	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/22	16	16	0
21	900(a)	Pembantu Tadbir (Pegawai Khidmat Pelanggan)	N17/22(KP)	1	1	0
22	840(a)	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N17/22/27/28/32	1	1	0
23	846(a)	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N17/22/27/28	2	2	0
24	899(a)	Pembantu Tadbir (Penyelia Asrama)	N17/N22(P)	2	1	1
25	904(a)	Penjaga Jentera Elektrik	R17/22	2	2	0
26	902(a)	Pembantu Perpustakaan	S17/22	1	1	0
27	901(a)	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17/22	2	2	0
28	907(a)	Tukang K2	R11/22	2	1	1
29	735	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1	0
30	909(a)	Pemandu Kenderaan	R3/6	2	2	0
31	911(a)	Pembantu Am Pejabat	N1/4	6	5	1
32	912(a)	Pekerja Awam	R1/4	2	2	0
Jumlah Keseluruhan				285	254	31
Peratus Pengisian Jawatan				89%		

Pertukaran Keluar

Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada enam orang kakitangan yang telah bertukar keluar dari CIAST. Seramai dua orang melanjutkan pelajaran dan empat orang pertukaran biasa. Pecahan pertukaran mengikut gred adalah seperti Jadual 51.

Jadual 51 : Pertukaran Keluar Kakitangan CIAST Tahun 2012

Jawatan	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa	Tempat
Tawaran melanjutkan pelajaran				
Pegawai Latihan Vokasional	J52	Zuraini bt Muda	10.09.2012	Jawatan Latihan, JPA Peringkat Ph.D
	J48	Mohamad Asrofi bin Muslim	5.12.2012	Jawatan Latihan, JPA Peringkat Sarjana Sains Pengurusan
Pertukaran				
Pegawai Latihan Vokasional	J48	Suzana bt Mohammed Zohdi	26.12.2012	Jabatan Tenaga Manusia
	J44	Rozaida bt Zainon @ Md. Ali	1.11.2012	ILP Jitra, Kedah
PembantuTadbir (Perkeranian/ Operasi)	N17	Norsyazwana bt Abd Jalil	1.03.2012	Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya
Pembantu Am Pejabat	N1	Shyamsul Ibrahim bin Ariffin	10.09.2012	Jabatan Perhubungan Perusahaan, Negeri Sembilan

Pertukaran Masuk/Penempatan Baru

CIAST mengalu-alukan kehadiran seramai 33 orang kakitangan yang telah melaporkan diri bertugas di CIAST bagi mengisi kekosongan perjawatan seperti Jadual 52.

Kenaikan Pangkat

Pengurusan CIAST mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan CIAST yang telah dinaikkan pangkat dan pemangkuan yang telah diwartakan pada tahun 2012. Semoga mereka dapat mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan di jawatan yang baru seperti Jadual 53.

Jadual 52 : Pertukaran Masuk/Penempatan Baru Tahun 2012

Jawatan	Gred	Nama	Tarikh Kuatkuasa
Pegawai Latihan Vokasional	J52	Johari bin Mohamad Tahar	1.11.2012
	J48	Fardila bt. Azman Lingam	30.01.2012
		Suhaila bt. Abdul Samad	8.02.2012
		Helmi bin Hj. Haron	18.09.2012
	J48 (M)	Mohd Sukri bin Musa	19.11.2012
	J44	Rohani a/p Ngandi	27.01.2012
		Markhuza bt. Mokhtar	8.02.2012
		Ahmad Muzafar bin Mamat @ Adam	8.02.2012
		Khadijah bt. Isaak	2.07.2012
		Zaimah bt. Mu	16.07.2012
		Aziyati bt. Yusoff	14.09.2012
		Fazlida bt. Dahalan	16.07.2012
	J44 (M)	Nur Hidayah bt. Marzuki	3.10.2012
	J42 (M)	Syamsul Nizam bin Mohamad	17.01.2012
		Suzaini bin Supingat	19.01.2012
		Faizal bin Jahafar	19.01.2012
		Rogayah bt. Supian	20.01.2012
		Shahrul Nizam bin Kasim	20.01.2012
		Ariffin bin Mohamad	20.01.2012
		Norazuri bt. Yusoff	20.01.2012
		Ahmad Fadhil bin Ismail	30.01.2012
	J41	Nurfadilah bt. A. Bakar	9.01.2012
		Semai Azura bt. Seman	16.02.2012
		Fazlina Zuria bt. Mohd Anuar	30.04.2012
		Zulkifli bin Marliah @ Marlan	23.11.2012
Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J36 (M)	Wan Mohammed Azmi bin Md Saman	3.09.2012
	J29	Mohd Rafizie bin Rahaidir	22.11.2012
		Nik Muhammad Nizar bin Tuan Sinuzula	19.12.2012
		Muhammad Riyani bin Makhtar	31.12.2012
Penolong Pegawai Tadbir	N27	Zahrah bt. Mohamad Yusof	19.11.2012
Pembantu Pegawai Latihan Vokasional	J17	Siti Aminah bt. Mohd Hadzir	27.11.2012
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	Nur Afiqah b. Arahim	5.03.2012
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	Fatin Kamalia bt. Jamaludin	13.04.2012

Jadual 53 : Kenaikan Pangkat Kakitangan CIAST Tahun 2012

Jawatan	Gred	Gred Baru	Nama Penyandang	Tarikh Kenaikan Pangkat
Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J36	J38	1. Norliakazimi bt. Noordin	29.11.2011
Pegawai Latihan Vokasional	J36	J42	1. Ahmad Fadhil bin Ismail 2. Faizal bin Jahafar 3. Mahani bt. Mokhtar 4. Norsalfaiza bt. Fadzil 5. Suzaini bin Supingat 6. Norakma bt. Nawawi	1.12.2011 29.12.2011 1.12.2011 1.12.2011 29.12.2011 1.12.2011
Pegawai Latihan Vokasional	J38	J42	1. Shahrul Nizam bin Kasim 2. Ariffin bin Mohamad 3. Hanira bt. Razali 4. Mohd Ropi bin Abdullah 5. Norazuri bt. Yusoff 6. Rogayah bt. Supian	1.12.2011 1.12.2011 1.12.2011 16.12.2011 1.12.2011 1.12.2011
Pegawai Latihan Vokasional	J29	J42	1. Syamsul Nizam bin Mohamad	29.12.2011
Pegawai Latihan Vokasional	J41	J44	1. Antasya bt. Mohd Arif 2. Azhar bin Untong 3. Hairul Shah bin Mohd Sahli 4. Helmi bin Ab. Hamid 5. Idris bin Ismail 6. Maslizawati bt. Ab. Rashid 7. Mohamad Adry bin Harun 8. Mohd Zahiri bin Salleh 9. Ramzi bin Dol @ Abdul Wahid 10. Salwani bt. Daud 11. Loh Hong Wai 12. Musba Hanim bt. Haron 13. Azhar bin Harun 14. Ibrahim bin Osman	17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 17.10.2011 20.05.2008 17.10.2011 17.10.2011 16.12.2011
Pegawai Latihan Vokasional	J44	J48	1. Siti Zuraidah bt. (Ibnu) 2. Azli Amin bin Ahmad Raus 3. Abdul Hadi bin Kasmoni 4. Jamaluddin bin Saat	4.04.2011 1.07.2009 4.04.2011 4.04.2011

Pegawai Bersara

Sepanjang tahun 2012, Pn. Habibah bt. Hassan Pembantu Tadbir (Penyelia Asrama) Gred N22 telah bersara paksa yang genap umur 58 tahun pada 26 Januari 2012 dan En. Mohd Salleh bin Ismail Effendi yang bersara pilihan pada 1 September 2012 atas sebab-sebab peribadi. Pihak pengurusan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih sepanjang perkhidmatan beliau di jabatan ini.

Penempatan Secara Pentadbiran

Kementerian Sumber Manusia telah meluluskan penempatan pegawai CIAST secara pentadbiran demi kepentingan perkhidmatan dan keperluan organisasi. Butiran penempatan secara pentadbiran adalah seperti Jadual 54.

Jadual 54 : Penempatan Kakitangan CIAST Secara Pentadbiran Tahun 2012

Bil	Gred	Penempatan	Nama Penyandang	Mulai
1.	J54	NOSS	Omar bin Jusoh	1.12.2009
2.	J44	KSM	Ahmad Fahmi bin Abdullah Rahim	1.12.2009
3.	J44	JPK	Ahmad Muzafar bin Mamat @ Adam	8.02.2012
4.	J44	MOSQ	Aziyati bt. Yusoff	14.09.2012
5.	J44	MOSQ	Khadijah bt. Isaak	2.07.2012
6.	J17	ILP Bukit Katil	Faeza bt. Hamzah	15.05.2006

Arahan Pengurusan (AP) CIAST

Pada tahun 2012, sebanyak lima Arahan Pengurusan telah dikeluarkan bagi menambahbaik dan menyelaras pelaksanaan sistem pengurusan agar lebih teratur dan sistematik (Jadual 55).

Jadual 55 : Senarai Arahan Pengurusan Tahun 2012

Bil	Perkara	Tarikh
1/2012	Pelaksanaan Pengurusan Maklumat Perjawatan Secara Elektronik (ePerjawatan)	15.02.2012
2/2012	Pelaksanaan Kehadiran Dengan Menggunakan Sistem Perakam Waktu Elektronik	23.04.2012
3/2012	Jadual Semakan Pengemaskinian Maklumat HRMIS	15.06.2012
4/2012	Pelaksanaan Nombor Kod Fail Baru	5.07.2012
5/2012	Pelaksanaan eBajet CIAST	16.08.2012

Sewaan Premis CIAST

Sebanyak tujuh premis CIAST disewakan bagi kegunaan orang luar, iaitu Dewan Utama, Auditorium, Bilik Mesyuarat Terbilang, Bilik Mesyuarat Gemilang, Bilik Seminar Bijaksana, Bilik Kuliah 11 dan Bilik Kuliah 12. Laporan seperti jadual 56.

Jadual 56 : Laporan Kekerapan Penggunaan Sewaan Premis CIAST Tahun 2012

Bil.	Jenis Premis	Jum	Kegunaan Tempahan/Bulanan											
			Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
1	Dewan Utama	133	8	7	10	17	10	28	14	1	7	2	20	9
2	Auditorium	216	18	17	22	22	25	17	24	8	22	15	15	11
3	Bilik Mesyuarat Terbilang	176	10	18	16	17	14	20	12	15	14	18	12	10
4	Bilik Mesyuarat Gemilang	155	4	12	16	21	23	21	22	3	13	16	3	1
5	Bilik Bijaksana	177	3	10	17	16	17	20	17	15	20	22	11	9
6	Bilik Kuliah 11	159	6	7	16	13	8	20	13	3	15	26	19	13
7	Bilik Kuliah 12	162	3	8	14	15	8	16	25	15	23	23	11	1

Laporan Kemudahan Asrama CIAST

Terdapat sebanyak empat blok asrama di dalam kompleks CIAST, iaitu di Blok K, M, N dan R. Kemudahan asrama CIAST adalah bagi menempatkan pelajar sepenuh masa, peserta kursus pedagogi dan dibuka juga permohonan daripada agensi kerajaan yang lain, pihak swasta atau permohonan secara individu. CIAST mempunyai 38 buah bilik eksekutif dan 128 buah bilik biasa di mana jumlah katil keseluruhan ialah 242 buah. Kadar caj bayaran sewa yang dikenakan adalah seperti berikut:

- i) Bilik Eksekutif - RM50.00/sehari
- ii) Bilik Berdua (Berhawa Dingin) – RM30.00/sehari
- iii) Bilik Berdua – RM20.00/sehari

Laporan Kuarters CIAST

Sebanyak 40 unit kuarters disediakan untuk kemudahan kakitangan CIAST yang berkelayakan. Kaedah bayaran sewa kuarters dibuat melalui potongan gaji. Penghuni juga bertanggungjawab untuk menjelaskan sendiri bayaran bil elektrik, air dan caj perkhidmatan pembersihan pembetungan (Indah Water) manakala untuk kos bayaran penyelenggaraan, cukai taksiran dan insuran bangunan ditanggung oleh pihak CIAST. Satu unit kuarters dicadang untuk dijadikan kemudahan taska CIAST.

Laporan Kewangan

Pada tahun 2012, CIAST telah diperuntukan sebanyak RM27,940,239.00 di bawah belanja mengurus berbanding RM26,479,602.00 pada tahun 2011. Bagi peruntukan pembangunan, CIAST telah menerima RM4,906,200.00. Jadual 57 dan 58 menunjukkan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Jadual 59 menunjukkan kedudukan kumpulan wang amanah/akaun amanah di bawah seksyen 9 dan 10 Akta Acara Kewangan 1957.

Jadual 57 : Ringkasan Laporan Pengesahan Perbelanjaan Mengurus pada 31 Disember 2012

Program / Aktiviti	Peruntukan Diluluskan	Tambahans/ Kurangan Peruntukan	Jumlah Peruntukan Dipindah	Jumlah Perbelanjaan Sebenar	%	Jumlah Tanggungan	Baki Selepas Perbelanjaan Sebenar & Tanggungan
	RM	RM	RM	RM	%	RM	RM
020300	23,637,000	2,222,760	25,859,760	28,228,970.01	109.16	0.00	(2,369,210.01) (9.16)
030582	1,999,750.00	(156,581.00)	1,843,169.33	1,843,166.33	100.00	0.00	2.67 0.00
020200	44,000.00	98,310.00	142,310.00	141,943.86	99.74	0.00	366.14 0.26
070200	100,000.00	(5000.00)	95,000.00	94,475.00	99.45	0.00	525.00 0.55
Jum. Besar	25,771,750.00	2,168,489.00	27,940,239.00	30,308,555.20	108.48	0.00	(2,368,316.20) (8.48)

Jadual 58 : Ringkasan Laporan Pengesahan Perbelanjaan Pembangunan pada 31 Disember 2012

Kod/Nama Program	Peruntukan Diluluskan	Tambahan/ Kurangan Peruntukan	Jumlah Peruntukan Dipindah	Jumlah Perbelanjaan Sebenar	%	Jumlah Tanggungan	Baki Selepas Perbelanjaan Sebenar & Tanggungan
	RM	RM	RM	RM	%	RM	RM
09400	2,500,000.00	0.00	2,500,000.00	2,499,944.40	100.00	0.00	55.60 0.00
03200	1,000,000.00	63,000.00	1,063,000.00	1,062,970.72	100.00	0.00	29.28 0.00
08200	1,000,000.00	145,200.00	1,145,200.00	1,145,099.54	99.99	0.00	100.46 0.01
00500	198,000.00	0.00	198,000.00	184,247.10	93.05	0.00	13,572.90 0.10
Jum. Besar	4,698,000.00	208,200.00	4,906,200.00	4,892,261.76	99.72	0.00	13,758.24 0.11

Jadual 59 : Kedudukan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Acara Kewangan 1957 pada 31 Disember 2012

Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah	Peruntukan Seksyen 9 / Seksyen 10	Baki Awal Tahun 2012 (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)	Tambahan / Kurangan Peruntukan (RM)	Jumlah (RM)	Terimaan Tahun 2012 (RM)	Perbelanjaan Semasa Disember 2011/2 (RM)	Perbelanjaan Terkumpul (RM)	Aktif / Tidak Aktif	Baki Di bawa Kehadapan (RM)
87732	Seksyen 9	2,480,219.89	0.00	0.00	2,480,219.89	1,946,707.70	233,156.81	2,204,295.02	Aktif	2,222,632.57

AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN




KELAB KAKITANGAN CIAST (KKC)

Sepanjang tahun 2012, Kelab Kakitangan CIAST (KKC) telah menganjurkan beberapa aktiviti sukan, rekreasi, kebajikan serta aktiviti sosial untuk mengeratkan perpaduan dan pertalian silaturahim di antara ahli dan masyarakat.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 ialah :

- 1) Mesyuarat Agong Tahunan Kali Ke-11
- 2) Mesyuarat dan perbincangan antara AJK KKC
- 3) Majlis Riang Ria Merdeka Raya Aidilfitri
- 4) Taklimat Penyediaan / Bekalan Peralatan Pelajar Baru VTO
- 5) Sesi Latihan Tenis Bersama Coach Profesional
- 6) Perlawanan Bolasepak Persahabatan CIAST vs JPK
- 7) Perlawanan Bolasepak Persahabatan CIAST vs ILP Pedas
- 8) Sumbangan kepada ahli KKC yang ditimpa musibah
- 9) Bacaan Yasin, Tahlil dan bacaan Al-Quran serta terjemahan





KELAB KAKITANGAN PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)

**Takziah atas pemergian ayahanda
En. Hafiz Bin Saad**

Sumbangan Dana Warga CIAST Prihatin



Dewan, 17 April 2012

Taklimat Penyediaan/Bekalan Peralatan Pelajar Baru VTO Siri 2/2012

Berdasarkan Surata ARA - 2012/2012/VTO/CIAST yang diterbitkan untuk menyediakan peralatan dan kemahiran bagi pelajar-pelajar yang berjaya lulus PT3 dan ST3/ST5, serta melihat alih-alih dalam masa yang sama.

Tarikh : 17 April 2012
Puan : Ramli
Jawat : 11.12.2012
Tempat : Rumah Pengajian Terpadu CIAST

*** Maksud taklimat adalah kualiti bagi yang termasuk.

Informasi perihal aktiviti sekolah dan maklumat pelajar
Borang SKL, Perintah dan Keputusan yang berkaitan sangat dibutuhkan oleh pelajar, termasuk buku

Wardah Haji Ahmad (Wardah) Haji Ahmad (Wardah)
Wardah Haji Ahmad (Wardah)
Wardah Haji Ahmad (Wardah)
Liaison Officer, CIAST
TEL: 03-9060 0140/02
TEL: 03-1541 0208

Search Box

Menu

- Laman utama
- Kepada ahliwala (2012/2013)
- Enggan Presepsi
- Gambaran
- Transkrip
- Kara Separuh WU
- Rancang
- Pelbagai

Kelab Kakitangan CIAST (KKC)

AKTIVITI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2/2011

Wakil pelajar yang dipilih merupakan pelajar-pelajar dari program DLPV. Permilihan wakil tersebut dilakukan secara undian. Berikut ialah pelajar yang telah dilantik sebagai ahli MPP sesi 2/2011.

1. Ahmad Yuhafidzun bin Ahmad Kamilluddin (Presiden)
2. Muhamad Hafiz bin Abdul Jalil (Naib Presiden Lelaki)
3. Nurhidayah bt. Mat Sharif (Naib Presiden Perempuan)
4. Nor Rozline bt. Ramlee (Setiausaha)
5. Muhammad Redzuan bin Mohd Kasim (Bendahari)
6. Muhammas Muslim bin Abdullah Sukri (Exco Agama)
7. Hasrun bin Aspari (Exco Disiplin)
8. Amir Azizi bin Zulkefli (Exco Kebajikan)
9. Muhammad Zulhilmi Bin Immerus (Exco Sukan dan Kebudayaan)

Antara aktiviti yang melibatkan MPP adalah seperti berikut:

1. Minggu Suaikenal Pelajar baru Sesi 3/2012

Tarikh : 5 hingga 7 September 2012
 Tempat : CIAST, Shah Alam
 Bil Pelajar : 200 orang
 Aktiviti : Membantu proses pendaftaran pelajar baru dan sebagai fasilitator ketika minggu suai kenal berlangsung.



Proses pendaftaran pelajar baru



Aktiviti latihan dalam kumpulan

2. Malam Teater Muzikal

Tarikh : 17 Oktober 2012
 Tempat : Dewan Auditorium CIAST, Shah alam
 Masa : 8.30 malam
 Penglibatan : Kakitangan dan Pelajar CIAST
 Tema : Retro 60'an



Pementasan teater muzikal

3. Kem Bina Semangat

Tarikh : 2 hingga 3 November 2012
 Tempat : D'AMBANG Resort, Pekan, Pahang
 Penglibatan : 60 orang Pelajar

4. Majlis Konvokesyen CIAST 2012

Tarikh : 10 hingga 11 November 2012
 Hari : Sabtu dan Ahad
 Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
 Tempat : Auditorium D8, Putrajaya

5. Program bersama peserta ASEAN SKILLS

Program : Majlis makan malam
 : Mengiring peserta pergi dan balik
 : Perjumpaan bersama Perdana Menteri
 Tarikh : 12,13 November dan 20 November 2012
 Tempat : CIAST, KLIA dan Subang.

Lain-lain aktiviti yang dijalankan:

1. Maulidur rasul
2. Futsal jemputan unisel
3. Karnival sukan CIAST
4. Program outreach
5. Lawatan Cameron Highland
6. Ceramah israk mikraj
7. Pertandingan futsal anjuran berita harian

Kesemua aktiviti yang dirancang telah dijalankan dengan jayanya dan mendapat sambutan dari pelajar dan kakitangan. Semoga program yang telah dijalankan memberi kepada semua yang terlibat. Antara cadangan bagi aktiviti yang seterusnya ialah:

- Perbanyakkan aktiviti antara pelajar bersama kakitangan CIAST (eratkan silatulrahim)
- Latihan kecemasan (*Fire Drill*)
- Aktiviti luar melibatkan pelajar CIAST dengan institusi lain
- Mewujudkan satu hari sebagai “*English Day*”

DIARI 2012



11 Januari 2012

Delegasi dari *Ministry of Youth Affairs and Skill Development*, Sri Lanka telah mengadakan lawatan ke CIAST yang disertai oleh lima pegawai dan seorang pegawai pengiring dari *German Malaysia Institute*.



15 Januari 2012

Ketibaan dua peserta dari Sudan mengikuti program *Attachment Programme for Sudan Trainers* selama dua bulan di CIAST.

17 Januari 2012

Seramai enam pegawai atasan dari *General Department of Vocational Training (GDVT)*, *Ministry of Labour, Invalids and Social Affairs (MOLISA) Vietnam* dan JICA Vietnam telah mengadakan lawatan rasmi ke CIAST. Delegasi telah diketuai oleh Dr Nguyen Tien Dung, *Director General of MOLISA*, diiringi oleh seorang pegawai pengiring dari *German Malaysia Institute*.





21 Februari 2012

Kunjungan wartawan dari negara Vietnam ke CIAST untuk membuat liputan khas dengan menemubual secara eksklusif dengan Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST berkenaan pelaksanaan *SkillsMalaysia INVITE Programme*. Di samping itu, mereka turut merakam perjalanan latihan dan kemudahan yang terdapat di CIAST bagi penyiaran televisyen di Vietnam.



7 Mac 2012

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil untuk *Attachment Programme for Sudan Trainers* telah diadakan di CIAST dan disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST.



12 Mac 2012

Delegasi 30 orang pegawai dari pelbagai daerah di Vietnam telah mengadakan ke CIAST. Lawatan turut diiringi oleh pihak SEG International Bhd. (SEGi)

19 April 2012

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi pelaksanaan *SkillsMalaysia INVITE Programme for Vietnam Trainers* telah diadakan di Auditorium, CIAST dan majlis telah disempurnakan oleh En. Nidzam bin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah JPK.

27 April 2012

Pihak Pengurusan Tertinggi CIAST telah mengiringi kepulangan 95 peserta *SkillsMalaysia INVITE Programme for Vietnam Trainers* ke Vietnam di KLIA.



16 Mei 2012

Seramai 30 orang delegasi dari Vietnam yang diiringi oleh pihak SEGi telah mengadakan lawatan bagi meninjau kemudahan dan pelaksanaan latihan di CIAST.

29 Mei 2012

Seramai tiga orang pegawai dari *Seoul Institute for Vocational Training in Advanced Technology* (SIVAT) telah mengadakan lawatan ke CIAST diiringi oleh FESTECH Sdn. Bhd.

12 Julai 2012

Lawatan dari *Inner Melbourne VET Cluster Incorporated* (IMVC) ke CIAST bersama pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang bertujuan untuk bertukar maklumat mengenai sistem latihan kemahiran di Malaysia.



14 Ogos 2012

Unit SkillsMalaysia beserta 18 orang pelajar Elektronik, enam orang pelajar Mekatronik dan 14 orang pengajar telah membuat lawatan ke Kilang Panasonic TV yang diketuai oleh En. Mohamad Asrofi bin Muslim.



2 September 2012

Ketibaan peserta 20 peserta dari Cambodia ke Malaysia di bawah *Third Country Training Programme (TCTP) 2012 – Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET)*.



3 September 2012

Soft Opening Ceremony TCTP 2012 telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST di Hotel De Palma Shah Alam.



13 September 2012

Lawatan delegasi dari Singapura yang terdiri daripada lima orang pegawai ke CIAST dan diiringi oleh pihak JPK bagi meninjau pelaksanaan latihan kemahiran di Malaysia.



15 September – 12 Oktober 2012

Kursus *Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET)* for Cambodia di bawah *Third Country Training Programme* bagi bidang otomotif, elektrikal dan pedagogi selama enam minggu di CIAST.



4 Oktober 2012

Lawatan delegasi seramai 19 orang dari *Technical and Vocational Training Corporation* (TVTC) Saudi Arabia ke CIAST bertujuan berkongsi maklumat mengenai sistem latihan kemahiran. Lawatan turut diiringi oleh pihak *Open University Malaysia* (OUM).



11 Oktober 2012

Majlis Penutup TCTP 2012 telah diadakan di Hotel De Palma Shah Alam dan disempurnakan oleh YB Senator Dato' Maznah binti Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Majlis turut dihadiri Pegawai CIAST, Kementerian Luar Negeri, JICA Malaysia dan Kedutaan Cambodia.



11 Oktober 2012

Lawatan oleh Mr. Sato Kunihiko, *Chief Representative JICA Malaysia* selepas Majlis Penutup TCTP 2012 ke CIAST bagi meninjau kemudahan dan pelaksanaan latihan kemahiran.

22 - 24 Oktober 2012

Kursus Pemantapan Khas PP-PPT telah diadakan di Hotel Sri Petaling dengan kerjasama Unit PPT Cyberjaya. Ianya bertujuan untuk memastikan personel PP-PPT yang telah dilantik secara bersyarat memahami prosedur persijilan secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).



30 Oktober 2012

Ketibaan empat peserta *Attachment Programme for Sudan Trainers* dan Sesi Taklimat dan Pengenalan kepada peserta yang diketuai oleh Tn. Hj Jamil bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST di Bilik Mesyuarat Terbilang.

**31 Oktober 2012**

Lawatan rasmi Japan's ODA melalui JICA Malaysia untuk melakukan *Trend Analysis Survey on Training Programmes* dengan menemuramah Tn. Hj Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST.

6 - 8 November 2012

Kursus Pemantapan Khas PPL-Federation of Holistic Therapists (FHT) United Kingdom (UK) telah diadakan di Concorde Inn, Sepang dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Kepakaran (PK) Cyberjaya. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai proses verifikasi mengikut standard antarabangsa.

**2 - 14 Disember 2012**

Lawatan penilaian *Internship TCTP 2012* oleh empat pegawai CIAST ke institusi kemahiran di Cambodia bagi menilai keberkesanan latihan yang dilaksanakan oleh peserta TCTP 2012 dan penyerahan sijil kepada para peserta turut diadakan.





2 - 20 Disember 2012

Delegasi seramai tiga pegawai CIAST dan seorang pegawai CIDB yang diketuai oleh Tn. Hj. Jamil bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST telah menjalankan *Fact Finding Mission* TCTP 2013-2015 ke negara Cambodia, Laos dan Myanmar

26 Disember 2012

Majlis Penyerahan Sijil oleh Tn. Hj Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST kepada peserta *Attachment Program for Sudan Trainers* di Hotel De Palma, Shah Alam.

27 Disember 2012

Lawatan oleh lapan orang peserta kursus *Quality Management in TVET : Best Practices in Malaysia* anjuran GMItech, *Ministry of Labour and Human Resources, Royal Government* ke CIAST. Tujuan lawatan adalah untuk mendedahkan peserta kepada pelaksanaan kawalan mutu dan sistem TVET di Malaysia.



AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN CIAST





Dari kiri : Zahrin bin Abd. Latif, Mohd. Noor bin Menhad, Asiah bt. Sulaiman, Hanizah bt. Mohd. Ghazali, Hamimah bt. Mamat, Rabia bt. Siamir, Rozita bt. Ismail, Zamri bin Nawi dan Loh Hong Wai

Tiada dalam gambar : Nor Azian bt. Ahmad dan Gaafar bin Musar

PENGERUSI JAWATANKUASA

Pn. Hamimah bt. Mamat

Program Pembangunan Profesional Kemahiran

AHLI JAWATANKUASA

Pn. Rozita bt. Ismail

En. Zamri bin Nawi

En. Zahrin bin Abdul Latif

Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

En. Mohd. Noor bin Menhad

Cik Hanizah bt. Mohd. Ghazali

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

En. Loh Hong Wai

Program Pembangunan Profesional Kemahiran

Pn. Nor Azian bt. Ahmad

Gafaar bin Musar (Juru Gambar)

Program Pembelajaran Multimedia dan Elektronik

Pn. Rabia bt. Siamir

Program Kelayakan Kekompetenan

Pn. Asiah bt. Sulaiman

Bahagian Khidmat Pengurusan

SIDANG REDAKSI



PENASIHAT

Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali
Pengarah CIAST

KETUA EDITOR

Tn. Hj. Jamil bin Yahya
Timbalan Pengarah CIAST

PENOLONG KETUA EDITOR

Pn. Hamimah bt. Mamat (*Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan*)
Program Pembangunan Profesional Kemahiran

Dr. Ir. Azmi bin Ahmad
Ketua Program Pembangunan Profesional Kemahiran

Tn. Hj. Daud bin Jonit
Ketua Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

Tn. Hj. Abu Sallehein bin Nordin
Ketua Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia

Pn. Zuraini bt. Muda
Ketua Program Kelayakan dan Kekompetenan

Pn. Dalila bt. Sharingat
Ketua Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

Tn. Hj. Mad Yasir bin Mastakim
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan

PENYELARAS LAPORAN
Pn. Rozita bt. Ismail
Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

PELAPOR

Pn. Hamimah bt. Mamat
En. Loh Hong Wai
Pn. Nor A'yana bt. Mokhtar
En. Aziman bin Othman
En. Zulkifli bin Mohd. Sidi
En. Hafiz bin Saad

En. Ahmad Jefri bin Sabri
Tn. Sayed Salim bin Sayed Mohd Nor

En. Mohd Riza bin Ismail
Pn. Suhaila bt. Abd. Samad

Program Pembangunan Profesional Kemahiran

En. Zamri bin Nawi
Pn. Sharida bt. Mohd. Sharif
En. Mohd. Yasir bin Aziz
Pn. Norhayati bt. Ishak
En. Mohd. Suhaini bin Abd. Majid
Pn. Roslinda bt. Daud
Pn. Marsita bt. Abd. Kadir
En. Zahrin bin Abd. Latif

Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

Pn. Rabia bt. Siamir
Pn. Farehan bt. Ismail
En. Ganesan a/l Murugesu
En. Mohd. Faisal bin Abdullah
Program Kelayakan Kekompetenan

En. Mohd. Noor bin Menhad
Cik Hanizah bt. Mohd. Ghazali
En. Saiful Amir bin Omar
Pn. Razidah bt. Sagap
En. Mohd. Zulaffandi bin Abdullah
En. Ahmad Mashudi bin Alpiah
En. Irwan bin Mohd. Amir

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

Pn. Nor Azian bt. Ahmad
En. Wan Ahmad Jailani bin Wan Ngah
Pn. Ruzaidah bt. Mansor

Program Pembelajaran Multimedia dan Elektronik

Pn. Asiah bt. Sulaiman
Pn. Zaharah bt. Mohamad Yusof
Pn. Nor Salisah bt. Mohd. Nasir
Pn. Amalina bt. Amir
Bahagian Khidmat Pengurusan



CIAST

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Peti surat 7012, Jalan Petani 19/1, Seksyen 19

40900, Shah Alam Selangor Malaysia

Tel: 603 5543 8200 Faks: 603 5541 1508

<http://www.ciast.gov.my>

